Hujung Minggu

ڤليتا بروني

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM


MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"DAN sesiapa yang bertakwa kepada Allah nescaya Allah akan memudahkan baginya jalan keluar (dalam urusannya)".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala
dalam Surah at-Thalaq, ayat 2.

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 5.00 SUBUH 5.10 SYURUK 6.33 DUHA 6.57 ZUHUR 12.30 ASAR 3.51 MAGHRIB 6.24 ISYAK 7.38

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit


TAHUN 69 BILANGAN 6 | 13 JANUARI 2024 / 1445 رجب 1 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU PERCUMA





# MEMPELAI PENGANTIN DIRAJA SAH DIIJABKABULKAN

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman, Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 11 Januari. - "Kaola terima nikahnya Dayang Anisha Rosnah binti Adam dengan maharnya BND1,000 tunai".

Demikian lafaz kabul Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah tanda ikatan bersama Dayang Anisha Rosnah sebagai isteri yang sah pada Majlis Istiadat Akad Nikah Diraja yang berlangsung di Masjid Omar 'Ali Saifuddien hari ini.


**>> Muka 2**




**MAJLIS Istiadat Akad Nikah Diraja bagi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen yang berlangsung di hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.**

# Istiadat Berbedak serikan Mempelai Diraja



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad, Marlinawaty Hussin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 10 Januari. - Keindahan Istiadat Diraja yang telah diwarisi sejak turun-temurun dipamerkan pada Majlis Istiadat Berbedak Pengantin Diraja di antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Dayang Anisha Rosnah binti Adam, yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman.


**>> Muka 5**


**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Istiadat Berbedak Pengantin Diraja. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.**


IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN

Pelita Brunei pelitabrunei pelitabrunei


## Berita Utama



BANTU memperluaskan pengetahuan profesional, akademik


Muka 12




BNAB adakan Makan Malam Amal


Muka 20




TINGKATKAN keimanan, jauhi maksiat


Muka 25





SUKAN Judo punya peluang cerah


Muka 31

ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI



الله ڤليهاراکن ڤڠنتين دراج

# Allah Peliharakan Pengantin Diraja



Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman, Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Masri Osman, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Muhammad Khalid Doughty, Pg. Haji Mohd. Fawzy Pg. Haji Ahmad

>> **Muka 1**

Istiadat yang berlangsung di hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang juga turut mendoakan semasa menerima junjung ziarah antara lain bertitah mendoakan, "Semoga Allah menguriakan keberkatan kepada kamu berdua, semoga Allah memberkati kamu berdua dan semoga Allah menyatukan kamu berdua suami isteri dalam kebajikan".

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

>> **Muka 3**



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.**

## WAKTU SEMBAHYANG

| Januari MASIHI | HARI | Rejab HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 13 | SABTU | 1 | 5.00 | 5.10 | 6.33 | 6.57 | 12.30 | 3.51 | 6.24 | 7.38 |
| 14 | AHAD | 2 | 5.01 | 5.11 | 6.33 | 6.57 | 12.30 | 3.52 | 6.25 | 7.39 |
| 15 | ISNIN | 3 | 5.01 | 5.11 | 6.33 | 6.57 | 12.30 | 3.52 | 6.25 | 7.39 |
| 16 | SELASA | 4 | 5.01 | 5.11 | 6.34 | 6.57 | 12.31 | 3.53 | 6.26 | 7.39 |
| 17 | RABU | 5 | 5.02 | 5.12 | 6.34 | 6.58 | 12.31 | 3.53 | 6.26 | 7.40 |
| 18 | KHAMIS | 6 | 5.02 | 5.12 | 6.34 | 6.58 | 12.31 | 3.53 | 6.27 | 7.40 |
| 19 | JUMAAT | 7 | 5.02 | 5.12 | 6.34 | 6.58 | 12.32 | 3.53 | 6.27 | 7.40 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | SABTU | AHAD | ISNIN |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 26 °C | 31 25 °C | 33 25 °C |
| Pekan Bangar | 31 26 °C | 30 25 °C | 33 25 °C |
| Pekan Tutong | 30 26 °C | 31 25 °C | 32 26 °C |
| Kuala Belait | 30 26 °C | 30 25 °C | 32 25 °C |

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

13 JANUARI 2024

# Hayati perisian Al-Quran sebagai panduan hidup

ORANG Islam membaca Al-Quran untuk mendapatkan bimbingan, kebijaksanaan dan juga untuk mengukuhkan hubungan rohani dengan Allah Subhanahu Wata'ala. Al-Quran dianggap sebagai kitab suci Islam yang diturunkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam. Membaca Al-Quran merupakan ibadah dan amalan yang dituntut dalam Islam, ia membantu umat Islam memahami kehendak dan ajaran Tuhan untuk memperbaiki diri sebagai seorang Muslim dan ianya juga adalah panduan hidup untuk orang-orang Islam.

Al-Quran berfungsi sebagai panduan bagi umat Islam. Apabila kita mempelajari dan menghayati surah-surah yang dibaca ia menyediakan prinsip etika, moral dan undang-undang yang membentuk kehidupan seharian untuk orang Islam. Ia juga memberi panduan tentang pelbagai aspek kehidupan, termasuk tingkah laku peribadi, hubungan sesama manusia dan ciptaan Allah Subhanahu Wata'ala, keadilan sosial, dan kerohanian. Umat Islam akan merujuk kepada Al-Quran untuk mendapatkan jawapan dalam membuat keputusan beretika, menyelesaikan konflik dan mencari pemahaman yang lebih mendalam tentang iman mereka. Ia dianggap sebagai buku panduan yang komprehensif untuk menjalani kehidupan yang mulia dan memenuhi prinsip Islam.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh al-Imam Malik daripada Muslim bin Yasar al-Juhani, Baginda bersabda yang bermaksud : "*Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, kamu tidak akan sesat selama mana kamu berpegang dengan kedua-duanya, iaitu kitab Allah (Al-Quran) dan sunnah Nabi-Nya*".

Selain itu, Al-Quran juga dibaca dan dihayati pengisian untuk mereka yang mencari ketenangan hati dan jiwa dan juga kesembuhan bagi penyakit-penyakit yang tidak zahir, iaitu penyakit-penyakit berkenaan emosi dan gangguan mental. Melalui ayat-ayat Al-Quran, kita boleh mencari penawar keresahan atau kebingungan yang dialami. Apabila kita membaca dan menghayati perisian Al-Quran kita akan dapat mencari ketenangan, dorongan dan berasa dekat dengan Allah Subhanahu Wata'ala terutama sekali disaat-saat kita mengalami masalah dalam kehidupan dan merasa kurang bersemangat.

Sepertimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Yunus ayat 57, tafsirnya : "*Wahai Manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Al-Quran yang menjadi pengajaran daripada Tuhan kamu dan ubat penyembuh bagi penyakit batin yang ada di dalam dada dan petunjuk serta rahmat bagi orang-orang yang beriman*". Sebagai orang Islam, janganlah kita berputus asa apabila melalui apa-apa kesusahan, carilah ketenangan dan semangat untuk bangkit kembali dari membaca dan menghayati perisian Al-Quran. - **Ketua Penyuntingan (Nr)**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتکن اوليه جابتن ڤنرڠن، جابتن ڤرداناي منتري دان دچيتق اوليه ڤرينت ڤلس سندرين برحد، نݢارا بروني
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam



DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berangkat ke Majlis Istiadat Akad Nikah Diraja yang berlangsung di Masjid Omar 'Ali Saifuddien. Manakala gambar bawah kiri dan bawah kanan, DYTM berkenan menandatangani Borang Nikah, diikuti oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama dan saksi.

>> Muka 2

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia berserta kerabat diraja dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar dan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Sejurus Kebawah DYMM serta paduka-paduka anakanda dan adinda baginda duduk bersemayam di tempat yang dikhaskan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen yang begitu segak berpakaian songket putih berangkat dengan diiringi Perhiasan Empat Duli Yang Teramat Mulia, Alat-alat Kebesaran Diraja yang dibawa oleh Awang-awang terdiri daripada 40 Sinipit, 16 Pedang dan Perisai, 16 Tumbak Bendarangan dan lapan Kabuk dan Panastan.

Kemudian DYTM dijunjung ke ruang dalam masjid dan seterusnya duduk bersemayam di atas Kasur Namat yang dikhaskan dengan didahului Awang-awang yang membawa Dian Tunggal lalu duduk di sebelah kiri Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Sebelum memulakan majlis, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Yusof menjunjung anugeraha untuk menyembahkan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris untuk menyembahkan ke hadapan majlis Kebawah DYMM bahawa Majlis Istiadat Akad Nikah Diraja telah siap sedia dan mula dilaksanakan.

Setelah itu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim menjunjung kurnia perkenan Kebawah DYMM untuk memulakan Akad Nikah Diraja dan seterusnya menjalankan Akad Nikah Diraja dengan seterusnya membacakan Khutbah Nikah.

Alhamdulillah, dengan hanya sekali Lafaz Kabul daripada DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen disahkan oleh saksi, maka diikuti dengan tembakan meriam sebanyak 17 das sebagai menandakan Akad Nikah Diraja telah sempurna dilaksanakan dan seterusnya DYTM menandatangani Borang Nikah dan selepas itu mengitar duduknya dan menghadap Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Bagi memohon keberkatan majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin.

Selesai bacaan Doa Selamat, DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah DYMM dan kerabat diraja dan juga menerima junjung ziarah daripada Awang Adam bin Abdullah.

Setelah itu, DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berangkat balik diiringi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bin Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj dengan didahului oleh 40 Sinipit yang dibawa oleh Awang-awang, dua orang Hulubalang, Hulubalang Diraja membawa Pemuras dan Karga dan Hulubalang Asgar membawa Kelasak dan Kampilan serta Dian Tunggal yang dibawa oleh Awang-awang berjalan di hadapan DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen serta diikuti oleh Perhiasan Empat DYTM dan diiringi oleh Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Haji Puteh ibni Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Md. Said serta diikuti oleh Alat-alat Kebesaran Diraja yang dibawa oleh Awang-awang terdiri daripada 16 Pedang dan Perisai, 16 Tumbak Bendarangan dan lapan Kabuk dan Panastan.

Sejurus selepas itu, Kebawah DYMM berserta paduka-paduka anakanda dan adinda baginda beredar daripada tempat duduk persemayaman dan berkenan meninggalkan majlis.

Ada pun sebelum Majlis Istiadat Akad Nikah Diraja dimulakan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Setia Haji Awang Salim berjumpa Awang Adam bin Abdullah, diikuti oleh dua saksi (Begawan-begawan Pehin Khatib) dan Awang Adam meminta Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bagi menikahkan anaknya, Yang Mulia Dayang Anisha Rosnah binti Adam dengan DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan seterusnya Awang Adam menandatangani Borang Nikah.

Pasangan mempelai Pengantin Diraja selamat diijabkabulkan untuk membina bahtera mahligai rumah tangga dan seluruh lapisan rakyat mendoakan kekal bahagia hendaknya dalam menuju keluarga *sakinah mawaddah warahmah.*

Istiadat seumpama setentunya menjadi satu lagi rentetan sejarah buat negara selain mengetengahkan dan mengekalkan istiadat kebruneian demi keutuhan budaya bangsa generasi akan datang.

















# ISTIADAT BERBEDAK SERIKAN MEMPELAI DIRAJA

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad, Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Masri Osman, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman, Hasif Haji Mat Zain, Hanif A. Halit**

**>> Muka 1**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Istiadat Berbedak Pengantin Diraja.

Pada majlis istiadat berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menculiki Bedak Diraja kepada paduka anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Dayang Anisha Rosnah, yang diadakan secara berasingan di tempat yang sama.

Berangkat dan seterusnya menculiki Bedak Diraja pada istiadat itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah.

Diikuti dengan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah.

**>> Muka 6**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Istiadat Berbedak Pengantin Diraja.**



**JUGA berangkat, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda serta kerabat diraja yang lain (atas, bawah kiri dan bawah kanan).**







**ANTARA jemputan yang hadir menyaksikan peristiwa yang bersejarah berkenaan (bawah kiri dan bawah).**





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menculiki Bedak Diraja kepada paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen. Juga berangkat menculiki Bedak Diraja, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah bersama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah (kiri dan bawah).



>> Muka 5

Seterusnya diikuti dengan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah bersama Datin Paduka Seri Dayang Hajah Mariam, bonda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Juga menculiki Bedak Diraja ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah.

Istiadat menculiki Bedak Diraja juga termasuk ayahanda dan bonda Pengantin Diraja Perempuan, Yang Mulia Awang Adam dan Yang Mulia Dayang Siti Mariam.

Turut berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam dan kerabat-kerabat diraja yang lain.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Yusof menjunjung anugeraha untuk menyembahkan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar bahawa Majlis Istiadat Menjunjung DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen telah siap sedia.

Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris kemudian menyembahkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

>> Muka 7





TURUT berangkat menculiki Bedak Diraja, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik bersama Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah; serta Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah (kiri dan kanan).







BERANGKAT sama menculiki Bedak Diraja ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah (kiri, tengah dan kanan).







JUGA berangkat menculiki Bedak Diraja, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah bersama Datin Paduka Seri Dayang Hajah Mariam; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah bersama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah; serta ayahanda dan bonda Pengantin Diraja Perempuan, Yang Mulia Awang Adam dan Yang Mulia Dayang Siti Mariam (kiri, tengah dan kanan).



>> Muka 6

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya menitahkan DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz; Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim; Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin; Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi; Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham; Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew; Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit dan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Haji Puteh untuk menjunjung DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berangkat ke Balai Singgahsana Indera Buana.

Keberangkatan DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen diapit oleh DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dengan didahului 40 Sinipit yang dibawa oleh Awang-awang, diikuti oleh Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz; Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim; Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin; Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi; Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham; Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew; Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit; Yang Amat Mulia Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Haji Puteh dan Juru Bini Dayang Hajah Rokiah berserta dua orang Hulubalang, Hulubalang Diraja membawa Pemuras dan Karga dan Hulubalang Asgar membawa Kelasak dan Kampilan; sebatang Dian Tunggal dibawa oleh Awang-awang, dengan diiringi oleh Yang Dimuliakan Pehin Penyurat Awang Maidin dan Yang Dimuliakan Pehin Penyurat Haji Awang Osman serta diikuti oleh Perhiasan Empat DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen yang dibawa oleh empat orang Pembawa Perhiasan Empat, seorang membawa Payung, seorang membawa Pedang dan Perisai, seorang membawa Tumbak Bendarangan dan seorang membawa Kaskol, 7 orang Pahawai Lelaki yang memegang satu Puan, satu Tarian, satu Kabok dan Panastan, satu Kiap, satu Chupu, satu Pasigupan dan satu Kaskol dan Dian 16 yang dibawa oleh 16 Awang-awang serta Alat-alat Kebesaran Diraja terdiri daripada 16 Pedang dan Perisai, 16 Tumbak Bendarangan dan lapan Kabuk; dan Panastan yang dibawa oleh Awang-awang.

Majlis Istiadat Berbedak Pengantin Diraja dimulakan dengan alunan Dikir Syarafil Anam (Dikir Marhaban).

Sebaik sahaja dikir dilaungkan 'Ya Habibi', Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri menculiki Bedak Diraja ke atas kedua-dua tapak tangan paduka anakanda baginda yang diikuti dengan tembakan meriam sebanyak 17 das sebagai tanda bermulanya Istiadat Berbedak Pengantin Diraja.

Istiadat Menculiki Bedak Diraja diikuti oleh kerabat diraja termasuk ayahanda dan bonda Pengantin Diraja Perempuan.

>> Muka 8



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan (atas). Manakala gambar atas kiri, Duli Yang Teramat Mulia ketika berangkat ke Majlis Istiadat Berbedak Pengantin Diraja. Sementara gambar bawah, sekitar majlis yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman.**



**DOA Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.**





KEBAWAH DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri menculiki Bedak Diraja kepada Yang Mulia Dayang Anisha Rosnah (kiri), manakala gambar bawah, juga berangkat menculiki Bedak Diraja, DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota bersama YTM Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah.



>> Muka 7

Setelah selesai Istiadat Berbedak Pengantin Diraja bagi DYTM Paduka Seri Pengiran Muda ‘Abdul Mateen, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Majlis Istiadat Berbedak Pengantin Diraja diteruskan bagi Pengantin Diraja Perempuan, Yang Mulia Dayang Anisha Rosnah.

Ketibaan Pengantin Diraja Perempuan ke majlis berkenaan diapit oleh isteri Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin dan isteri Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit dengan diiringi oleh isteri Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi; isteri Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham; isteri Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew; isteri Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz; isteri Yang Amat Mulia Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Haji Puteh dan isteri Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Wahab dan Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Bini Datin Paduka Dayang Hajah Siti, diikuti oleh tujuh orang Pahawai Perempuan yang memegang satu Puan, satu Tarian, satu Kabuk dan Panastan, satu Kiap, satu Chupu, satu Pasigupan dan satu Kaskol dan Dian 16 dibawa oleh 16 Dayang-dayang.

Istiadat Berbedak Pengantin Diraja didahului dengan Dikir Syarafil Anam (Dikir Marhaban), dengan Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri menculiki Bedak Diraja kepada Yang Mulia Dayang Anisha Rosnah.

Istiadat Menculiki Bedak Diraja disusuli oleh kerabat diraja dan kemudian diikuti oleh ayahanda dan bonda Pengantin Diraja Perempuan.

Istiadat berkenaan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

Orang ramai khususnya rakyat dan penduduk di negara ini berpeluang menyaksikan Istiadat Berbedak Pengantin Diraja yang gemilang ini secara langsung menerusi siaran televisyen dan radio.

Rakyat dan penduduk di negara ini turut berkongsi kegembiraan dan merafakkan doa agar pasangan mempelai Pengantin Diraja selamat sejahtera dan memperoleh kebahagiaan.





TURUT berangkat menculiki Bedak Diraja, DYTM Paduka Seri Pengiran Muda ‘Abdul Malik bersama Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi’atul ‘Adawiyyah; serta DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah (kiri dan kanan).







BERANGKAT sama menculiki Bedak Diraja ialah DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan YAM Pengiran Bini Hajah Faizah; DYTM Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa’adatul Bolkiah dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah (kiri, tengah dan kanan).







JUGA berangkat menculiki Bedak Diraja, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri ‘Azemah Ni’matul Bolkiah; YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah bersama Datin Paduka Seri Dayang Hajah Mariam; YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah bersama YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah; serta ayahanda dan bonda Pengantin Diraja Perempuan, Yang Mulia Awang Adam dan Yang Mulia Dayang Siti Mariam (kiri, tengah dan kanan).































# BERKENAN HANTAR TITAH PERUTUSAN TAHNIAH

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 10 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina berikutan dengan pelantikannya semula sebagai Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh.





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina.**

## Perutusan tahniah kepada Perdana Menteri Republik Perancis





**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 10 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Perdana Menteri Republik Perancis, Tuan Yang Terutama Gabriel Attal berikutan dengan pelantikannya sebagai Perdana Menteri Republik Perancis, baru-baru ini.

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Perdana Menteri Republik Perancis, Tuan YangTerutama Gabriel Attal.**

# Perjanjian Persefahaman Pengurusan Jemaah Haji NBD dimeterai







**PERJANJIAN Persefahaman Pengurusan Haji bagi Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (NBD) Tahun 1445H / 2024M dimeterai oleh Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, NBD, selaku wakil Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Timbalan Menteri Haji dan Umrah Arab Saudi, Yang Mulia Dr. Abdul Fattah bin Sulaiman Mashat (atas dan kanan).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 11 Januari. - Perjanjian Persefahaman Pengurusan Haji bagi Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (NBD) Tahun 1445H / 2024M dimeterai hari ini di Superdome, Jeddah, Arab Saudi.

Perjanjian tersebut telah ditandatangani oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, NBD, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku wakil Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Timbalan Menteri Haji dan Umrah Arab Saudi, Yang Mulia Dr. Abdul Fattah bin Sulaiman Mashat.

Sebelum Majlis Penandatanganan tersebut, satu perjumpaan dua hala telah diadakan untuk membincangkan hal ehwal pengurusan Jemaah Haji NBD bagi Musim Haji Tahun 1445H / 2024M.

Perjanjian Persefahaman Pengurusan Haji bagi Jemaah Haji NBD Tahun 1445H / 2024M adalah hasil daripada Mesyuarat Pengurusan Hal Ehwal Jemaah Haji NBD bagi Musim Haji Tahun 1445H / 2024M yang telah diadakan secara dalam talian pada 18 Oktober 2023 lalu.

Terdahulu, pada 8 Januari 2024, Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, NBD berserta rombongan telah menghadiri Majlis Pembukaan Rasmi Persidangan dan Pameran Haji dan Umrah di Arab Saudi dirasmikan oleh Yang Teramat Mulia Putera Saud bin Mashal bin Abdul Aziz, Timbalan Gabenor Wilayah Makkah di Superdome, Jeddah Arab Saudi.

Turut hadir pada majlis tersebut, Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Riyadh, Arab Saudi dan juga rombongan Kementerian Hal Ehwal Ugama NBD.

# Bantu memperluaskan pengetahuan profesional, akademik



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) selaku tetamu kehormat semasa bergambar ramai (atas). Manakala gambar bawah, antara yang hadir pada Kursus Maktab Turus, Akademi Pertahanan ABDB Sesi Ke-14 selama 40 minggu.



**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Ihsan Kementerian Pertahanan**

**TANAH JAMBU,** Khamis, 11 Januari. - Seramai 37 pegawai memulakan Kursus Maktab Turus, Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Sesi ke-14 selama 40 minggu yang dikendalikan dengan kerja sama Universiti Brunei Darussalam (UBD) bagi tahun keenam sebagai Pembekal Akademik Utama.

Majlis pembukaan Kursus Maktab Turus Sesi 14/2024 berkenaan diadakan di Auditorium Akademi Pertahanan ABDB dan disempurnakan oleh Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan, selaku tetamu kehormat.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Surah Al-Kahfi (ayat 66 hingga 75) diketuai oleh wakil peserta kursus, Leftenan Komander Mohd. Shahrul Idham bin Haji Bungsu, dari Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), diikuti dengan ucapan perasmian oleh tetamu kehormat dan diteruskan dengan upacara mengibarkan bendera (*flag unfurling*).

Bendera yang dikibarkan melambangkan kerjasama yang sangat baik antara negara-negara yang mengambil bahagian dalam kursus dan menekankan kepentingan bagi para pelajar Kolej Staf untuk menjalin persahabatan yang kukuh sepanjang perjalanan pembelajaran mereka.

Para peserta yang menyertai kursus tahun ini termasuk 16 pegawai dari ABDB, seorang pegawai dari Kementerian Pertahanan, seorang pegawai dari Pasukan Polis Diraja Brunei, seorang pegawai dari Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan 18 lagi pegawai tentera antarabangsa daripada 14 negara, iaitu Republik Rakyat Bangladesh; Kerajaan Kemboja; Republik Indonesia; Kerajaan Jordan; Malaysia; New Zealand; Kesultanan Oman; Republik Islam Pakistan; Republik Filipina; Kerajaan Arab Saudi; Republik Singapura; Kerajaan Thailand; United Kingdom; dan Amerika Syarikat.



Tetamu kehormat semasa menyampaikan ucapan perasmian.

Kursus Maktab Turus Sesi 14/2024 berkenaan bertujuan untuk memperluaskan pengetahuan profesional dan akademik ke arah persekitaran strategik kontemporari dan kesannya terhadap tugasan mereka sebagai pakar dalam bidang pertahanan dan keselamatan.

Di penghujung kursus berkenaan, para peserta kursus yang berjaya akan dianugerahkan *passed staff college* (*joint*) [psc (j)] daripada pihak Akademi Pertahanan ABDB dan Graduate Diploma in Defence and Security Studies daripada pihak UBD dengan peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Master of Defence and Security Studies.

# PUPUK KESEDARAN MENGENAI ISU KEMANUSIAAN DI PALESTIN



REKTOR UNISSA hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian 'Dari UNISSA, untuk GAZA', Program Amal bagi Kutipan Dana untuk Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2024 yang diadakan di Dewan Gimnasium dan Auditorium, UNISSA (atas), manakala gambar kanan dan bawah kanan, turut diadakan ialah jual-jualan yang diusahakan oleh mahasiswa dan mahasiswi serta pensyarah UNISSA.

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 10 Januari. - Sebagai sebuah universiti Islam terunggul, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) sentiasa proaktif dan ke hadapan dalam mengikuti isu-isu umat Islam pada hari ini.

Suasana di Gaza yang sudah mencecah 100 hari telah banyak memberikan *kitani* sebuah muhasabah tentang nikmat keamanan dan kedamaian di Negara Brunei Darussalam.

Perkara tersebut antara yang dinyatakan dalam ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Ketua Unit Kokurikulum Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UNISSA, Dr. Hajah Ummi Fai'zah binti Haji Abdul Rahman, pada Majlis Perasmian 'Dari UNISSA, untuk GAZA', Program Amal bagi Kutipan Dana untuk Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2024 yang diadakan di Dewan Gimnasium dan Auditorium, UNISSA, di sini.

"Alhamdulillah program ini merupakan platform yang positif bagi pelajar-pelajar *kitani* berkarya, berkreativiti mengikut potensi dan kapasiti masing-masing sambil melaksanakan khidmat masyarakat," jelas Dr. Hajah Ummi Fai'zah selaku pengerusi majlis.

Tambahnya, program tersebut telah berjaya mengumpulkan sebanyak 16 buah vendor terdiri dari pelajar-pelajar UNISSA, dan hasil 50 peratus daripada jualan nanti akan disumbangkan ke Tabung Kemanusiaan Gaza.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan acara tersebut ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

'Dari UNISSA, untuk GAZA', Program Amal bagi Kutipan Dana untuk Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2024 diadakan bersempena Day of Action (Kempen Bertindak) 2024 anjuran Unit Kokurikulum Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa dengan kerjasama Kumpulan Al-Qudwah, UNISSA.

Selain pameran, turut diadakan ialah jual-jualan yang diusahakan oleh mahasiswa dan mahasiswi serta pensyarah UNISSA.

Manakala di Dewan Auditorium pula diadakan sesi Motivational Talk Show dengan tajuk 'Reflection on Palestine, Count your blessings' yang dibincangkan oleh panel pensyarah UNISSA di antaranya ialah Dr. Kamaru Salam bin Yusof, Dr. Hajah Rafizah binti Haji Abdullah dan Dr. Hajah Nur Annisa binti Haji Sarbini serta Ahmad Amani Rusyaidi bin Ramli, Rais Unit Perhubungan dan Penerangan, Halalan Thayyiban Student Society 2023/2024 selaku moderator bagi sesi Talkshow ini.

Sementara itu, pada sebelah petang pula, program disambung dengan aktiviti persembahan seperti bacaan Tarannum Al-Quran, Dikir, tausyeh, nasyid, *speech*, hadrah dan sketsa tentang Palestin yang diungkayahkan oleh mahasiswa dan mahasiswi dari pelbagai kumpulan, pasukan dan bengkel kokurikulum UNISSA.

Turut diadakan sesi Hi-Tea Talk Show dengan tajuk, 'Memahami Situasi di Palestin; Muhasabah Kesyukuran di Brunei Darussalam' yang disampaikan oleh pelajar Sarjana dari Pusat Pendidikan Mazhab Syafi'e Ahmad Ahyad bin Haji Amynoor; Jehad Mhanna, Pelajar Doktor Falsafah yang berasal dari Gaza, Palestin; dan Dayangku Siti Rasyidah Hannani binti Pengiran Dr. Haji Mohd. Khairol Asmiee selaku moderator.

Situasi yang berlaku pada ketika ini susulan daripada penindasan dan kezaliman terhadap rakyat Palestin yang menyebabkan penduduk dunia termasuklah di Negara Brunei Darussalam, di mana mereka turut menyokong usaha untuk membebaskan Palestin daripada kemelut yang dihadapinya melalui sosial media.

UNISSA sebagai sebuah universiti Islam di Brunei Darussalam adalah wajar menjadi sebuah platform sebagai langkah





untuk meraikan solidariti orang awam melalui saluran yang betul, di samping memberi kefahaman kepada mereka mengenai isu-isu berkenaan Palestin dari sumber yang sahih.

Antara matlamat utama program adalah untuk menyebarkan kesedaran dan kefahaman mengenai isu-isu kemanusiaan di Palestin, selain untuk memupuk elemen keusahawanan kepada pelajar untuk berjual sambil beramal dan sebagai platform bagi pelajar berkarya dan berkreativiti melalui persembahan sambil melaksanakan Khidmat Masyarakat.

# PUPUK BUDAYA MINAT MEMBACA

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 11 Januari. - Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) merupakan salah satu perkhidmatan jangkauan luar yang ditawarkan oleh Bahagian Perpustakaan DBP untuk memberikan kemudahan akses bahan bacaan dan maklumat kepada warga sekolah dan sebagai bahan bacaan tambahan di perpustakaan sekolah.

Perkhidmatan ini mula diperkenalkan pada tahun 1970 dan sehingga kini sebanyak 67 buah sekolah atau perhentian menggunakan perkhidmatan ini di seluruh negara.

Sehubungan itu, sebuah perhentian Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak DBP dilancarkan pada pagi tadi di Sekolah Stella, Kampung Manggis, di sini.

Hadir selaku tetamu khas dan seterusnya menyempurnakan pelancaran Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak DBP berkenaan ialah Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab.

Atur cara diisikan dengan sesi membaca selama 10 minit dan ucapan alu-aluan daripada Guru Besar Sekolah Stella, Lise K. Lee.

Majlis turut diserikan lagi dengan persembahan tarian daripada murid-murid Sekolah Stella.

Dengan penyediaan perkhidmatan ini, warga sekolah berpeluang untuk menggunakan perkhidmatan perpustakaan secara mobil seperti peminjaman dan pemulangan bahan, murid-murid juga diberikan pendedahan untuk menggunakan perkhidmatan e-buku secara percuma di sekitar Perpustakaan Bergerak DBP.

Selain penyediaan bahan bacaan, pelbagai aktiviti menarik dan interaktif turut diadakan bagi menarik lebih ramai murid dan seterusnya menjadikan aktiviti membaca sebagai satu pengalaman menyeronokkan.

Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak DBP turut disasarkan kepada penduduk luar bandar bagi mendapatkan sumber maklumat dan ilmu dalam usaha membudayakan sikap suka membaca dalam kalangan masyarakat di negara ini serta melahirkan warga tempatan yang bermaklumat, membaca dan berfikir.



**PEMANGKU Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab hadir selaku tetamu khas dan seterusnya menyempurnakan pelancaran Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak DBP (atas dan kiri). Manakala gambar bawah, majlis turut diserikan lagi dengan persembahan tarian daripada murid-murid Sekolah Stella.**




# Pesta Pengguna kembali lagi

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BERIBI,** Khamis, 11 Januari. - Pesta Pengguna (Consumer Fair-CF) yang dinanti-nantikan oleh orang ramai bakal kembali lagi bagi edisi ke-28 yang akan bermula pada 24 hingga 28 Januari depan dengan bertemakan 'New Year, New Me' dan akan diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

CF akan dibukakan untuk kunjungan orang ramai bermula pada 10.00 pagi hingga 10.00 malam setiap hari, manakala ditutup sementara pada Jumaat dari jam 12.00 tengah hari hingga 2.00 petang untuk Solat Jumaat.

Sehubungan dengan itu, D'Sunlit Sdn. Bhd., selaku penganjur pesta berkenaan mengadakan Majlis Penandatanganan Kerjasama bersama rakan-rakan kongsi yang akan turut sama menjayakan acara berkenaan selama lima hari nanti.

Majlis Penandatanganan berkenaan berlangsung di Dewan Serbaguna D'Sunlit Sdn. Bhd. dan dihadiri oleh para wakil rakan rasmi acara dan rakan kongsi aktiviti.

Menandatangani bagi pihak D'Sunlit Sdn. Bhd., Pengarahnya, Dato Haji Danial bin Haji Hanafiah dan disaksikan oleh Pengurus Operasi, Ngu Tiing Siang.

Rakan-rakan kongsi yang menandatangani kerjasama bagi pesta berkenaan ialah Brunei Press Sdn. Bhd. selaku media cetak rasmi; Aewon Garment & Embroidery Sdn. Bhd.; Oregon System; Mixmedia; NBT (B) Sdn. Bhd.; Cuckoo; Dart Logistics; Izzy Does It; Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD); Kristal FM; dan IBIC Sdn. Bhd.

Selain aktiviti menarik yang dianjurkan oleh rakan-rakan kongsi acara, CF sekali lagi melibatkan watak Keluarga CF (CF Family) termasuklah Babah, Babu, Boboi dan Alai yang akan membuat penampilan pada acara yang menawarkan promosi serta pelbagai aktiviti buat para pengunjung.

Selain itu, aktiviti lebih menarik adalah Cabutan Hadiah Bertuah CF yang sentiasa dinanti-nantikan dengan para pengunjung berpeluang untuk membawa pulang hadiah yang menarik berupa Toyota Raize, yang ditaja oleh Toyota Brunei - NBT Brunei Sdn. Bhd.

Orang ramai juga diingatkan dan digalakkan untuk membawa beg boleh diguna semula bagi semua keperluan membeli-belah.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi penganjur acara, D'Sunlit Sdn. Bhd., menerusi talian +673 2453666.

Orang ramai juga boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai pesta tersebut dengan melayari Facebook rasmi D'Sunlit Sdn. Bhd., *Brunei Consumer Fair*, dan melalui Instagram *@consumerfair.bn*.




**MAJLIS Penandatanganan bagi Pesta Pengguna berlangsung di Dewan Serbaguna D'Sunlit Sdn. Bhd (atas dan bawah kiri).**






# Keamanan : Nikmat yang paling berharga




**BERTAKWALAH** kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana mengurniakan keamanan dan kemakmuran kepada negara kita. Keamanan adalah nikmat kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala yang amat berharga. Dengan adanya keamanan, rakyat dapat hidup dengan selesa, tidak ada huru-hara dan kekacauan, manakala kemajuan pula dapat dijana dan keselamatan dapat dirasa. Justeru, keamanan itu sangat penting dan berharga bagi sesebuah negara.

Sesungguhnya anugerah keamanan dan keharmonian negara yang kita nikmati ini perlulah disyukuri dan dipertahankan oleh seluruh rakyat dan penduduk. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Ibrahim, ayat 7 :

**Tafsirnya :** "*Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu (dengan sejelas-jelasnya) : Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala nikmat-Ku) tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap nikmat itu) maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras*".

Di samping mematuhi perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan menjauhi larangan-Nya, kita juga hendaklah mendukung Perlembagaan Negara, undang-undang dan peraturan negara kerana perkara ini juga menyumbang kepada keamanan negara yang sama dijaga dan dilindungi melalui pasukan yang menjaga keamanan iaitu antaranya yang utama ialah Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Sesungguhnya dalam memastikan kesejahteraan dan keamanan sentiasa terkawal di negara kita ini, PPDB merupakan antara salah satu agensi keselamatan kerajaan yang tertua yang diamanahkan dan dipertanggungjawabkan di dalam menegakkan keamanan, kesejahteraan dan keharmonian masyarakat dan negara.

Sememangnya tugas menjaga keamanan negara merupakan tugas dan tanggungjawab utama PPDB yang amat mencabar, lebih-lebih lagi di dalam arus kemodenan dan teknologi yang semakin canggih ini. Di samping itu, masyarakat juga mempunyai peranan dalam sama-sama menjaga keamanan.

Justeru, masyarakat diseru agar bersama-sama melindungi dan menjaga keamanan negara kerana melindungi dan menjaga keamanan negara seharusnya ditanai bersama oleh masyarakat demi mempertahankan kedaulatan negara yang amat kita sayangi. Kerjasama yang padu antara PPDB dan masyarakat adalah sangat-sangat diharapkan di dalam sama-sama menjaga kedaulatan negara. Pihak pasukan polis dan masyarakat hendaklah berganding bahu di dalam membanteras jenayah demi mengekalkan keamanan dan kesejahteraan negara kita yang tercinta.

Sesuai dengan era siber (*cyber*) dan perkembangan teknologi yang semakin pesat, PPDB sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran di dalam meningkatkan prestasi, kualiti dan kecekapan dalam menangani trend jenayah yang semakin mencabar dan kompleks terutamanya jenayah siber (*cyber*) yang semakin berleluasa.

PPDB mengatur strategi-strategi dan merangka perancangan yang mantap dalam menangani jenayah-jenayah era baharu yang datangnya dalam pelbagai bentuk bagi mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035 dalam mempertahankan kedaulatan dan kestabilan, agar Negara Brunei Darussalam menjadi salah sebuah negara yang paling selamat di dunia. PPDB juga akan sentiasa bersiap sedia dan menyesuaikan diri dengan persekitaran yang semakin rumit dan kompleks agar pasukan polis akan sentiasa berada satu tapak di hadapan di dalam memastikan keamanan sentiasa terjamin.

Pada 1 Januari 2024 yang lalu genaplah 103 Tahun Usia PPDB. Pegawai dan anggota pasukan polis hendaklah sentiasa menanai amanah secara profesional, berdisiplin tinggi, bersifat adil dan tidak pilih kasih, jadilah pegawai dan anggota pasukan yang proaktif dalam sama-sama menjadikan PPDB sebuah organisasi yang cemerlang, dipercayai dan disegani oleh masyarakat. Diharap warga pasukan polis akan terus berusaha untuk meningkatkan lagi pengetahuan dan mencapai ke tahap yang tinggi bagi memikul tanggungjawab yang diamanahkan.

Jadilah contoh dan inspirasi yang baik kepada masyarakat agar kerjaya sebagai polis tidak dipandang sambil lewa kerana kerjaya polis inilah yang bertanggungjawab dan diamanahkan untuk melindungi masyarakat daripada jenayah-jenayah yang mengancam ketauladan negara.

Akhirnya, sama-samalah kita berdoa agar kita semua akan sentiasa berusaha mempertingkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta berkhidmat dengan penuh ikhlas dan amanah. Mudah-mudahan agama, bangsa dan negara kita akan sentiasa terpelihara serta mendapat perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

**Tafsirnya :** "*Dan ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berdoa : Ya Tuhanku! Jadikanlah negeri Mekah ini negeri yang aman damai dan kurniakanlah rezeki daripada berbagai-bagai jenis buah kepada penduduknya iaitu bagi siapa antara mereka yang beriman kepada Allah dan hari akhirat. Allah berfirman : "(Permohonanmu Aku terima) tetapi sesiapa yang ingkar maka Aku akan beri juga dia menikmati rezeki itu bagi sementara waktu (di dunia) kemudian Aku memaksanya (dengan menyeretnya) ke azab neraka. Dan itulah seburuk-buruk tempat kembali*". (Surah Al-Baqarah, ayat 126)

# Makluman kawalan jalan raya kawasan Bandar Seri Begawan




**JALAN-jalan yang akan dikawal selia sementara semasa Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja dan seterusnya perarakan mengelilingi Bandar Seri Begawan sempena Istiadat Perkahwinan Diraja.**

**Siaran Akhbar dan Infografik : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 12 Januari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memaklumkan kepada pengguna-pengguna jalan raya bahawa jalan-jalan yang terbabit dan yang akan dikawal selia sementara semasa Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja dan seterusnya perarakan mengelilingi Bandar Seri Begawan sempena Istiadat Perkahwinan Diraja bagi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Mulia Dayang Anisha Rosnah binti Adam pada 14 Januari 2024.

Jalan-jalan tersebut ialah Lampu Isyarat Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Simpang 3, Jalan Telanai; Pusing Keliling Kecil Jalan Pengiran Babu Raja; simpang-simpang rumah kediaman sepanjang Jalan RIPAS; Lampu Isyarat, Jalan RIPAS; Persimpangan 3 Kubah Makam Diraja dihalakan masuk Jalan Pehin Laksamana Abdul Razak; Lampu Isyarat Jalan RIPAS simpang turun dari belakang Hospital RIPAS; Lampu Isyarat Jalan RIPAS simpang turun dari Lebuhraya Sultan Hassanal Bolkiah (dekat mahkamah) dan Lampu Isyarat Jalan Haji Basir Simpang 4 Jalan Simpang.

Seterusnya jalan yang terlibat iaitu Lampu Isyarat Jalan Haji Basir Simpang 4 Jalan Sultan Omar 'Ali Saifuddien - SOAS (dekat Balai Bomba); Jalan Simpang simpang Jalan Pedang; Lampu Isyarat Jalan SOAS simpang Jalan Dato Taib; Lampu Isyarat Jalan Tasik Simpang Jalan Pehin Dato Isa; Lampu Isyarat Jalan SOAS simpang Jalan Stoney; Lampu Isyarat Jalan Kianggeh simpang Jalan Elizabeth II; Lampu Isyarat Jalan SOAS simpang Jalan Elizabeth II; Jalan Kianggeh simpang Jalan Pemancha; Jalan Kianggeh simpang Jalan Cator; Lampu Isyarat Jalan Kianggeh simpang Jalan Mc Arthur; Lampu Isyarat Jalan Mc Arthur simpang Jalan Pretty; Lampu Isyarat Jalan Masjid Omar 'Ali Saifuddien simpang Jalan Elizabeth II dan simpang-simpang keluar dari sepanjang Jalan Stoney.

Orang ramai juga dinasihatkan untuk menggunakan jalan-jalan alternatif lain jika perlu untuk melalui Bandar Seri Begawan seperti Jalan Lebuhraya Hassanal Bolkiah, Jalan Tutong hala Jalan Lama Muara, Jalan Kumbang Pasang hala Jalan Menteri Besar/ Jalan Sungai Akar dan Jalan Gadong.

Sehubungan itu adalah dinasihatkan orang ramai untuk mematuhi dan bertolak ansur kepada arahan pegawai-pegawai Polis Trafik yang bertugas semasa upacara berlangsung.

جباتن حال احوال مسجد
JABATAN HAL EHWAL MASJID,
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# KEAMANAN: NIKMAT YANG PALING BERHARGA

*Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 30 Jamadilakhir 1445H/12 Januari 2024M*



## Keamanan

Nikmat kurniaan Allah SWT yang amat berharga; perlu disyukuri dan dipertahankan oleh seluruh rakyat dan penduduk

**Dengan adanya keamanan:**



Rakyat dapat hidup dengan selesa



Tidak ada huru-hara dan kekacauan



Kemajuan dapat dijana



Keselamatan dapat dirasa

## Pasukan Polis Diraja Brunei

Salah satu agensi keselamatan kerajaan yang tertua yang diamanahkan dan dipertanggungjawabkan di dalam menegakkan keamanan, kesejahteraan dan keharmonian masyarakat dan negara



1 Januari 2024: **103 tahun**



## Apa yang boleh kita buat?

Pasukan polis dan masyarakat hendaklah berganding bahu di dalam membanteras jenayah demi menggalakkan keamanan dan kesejahteraan negara kita yang tercinta

*Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam*

# دعاء مموهن کڤد الله سڤاي ترسلامة درڤد بلاء دان سݢل جنيس ڤڽاکيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ، وَٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ أَجْمَعِينَ.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنْتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿3 کالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ ٱللَّهِ ٱلتَّآمَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 کالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ شَيْءٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿3 کالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِٱللَّهِ.

بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ خَيْرِ ٱلْأَسْمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ دَآءٌ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱفْتَتَحْنَا وَبِٱللَّهِ ٱخْتَتَمْنَا وَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي ٱلْعِزَّةِ وَٱلْجَبَرُوتِ. وَٱعْتَصَمْنَا بِرَبِّ ٱلْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ.

ٱللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُبِكَ مِنَ ٱلْبَرَصِ، وَٱلْجُنُونِ، وَٱلْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ ٱلْأَسْقَامِ.

ٱللَّهُمَّ ٱصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ ٱلْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ ٱلْبَلَآءَ وَٱلْوَبَآءَ وَٱلطَّعْنَ وَٱلطَّاعُونَ وَسَائِرَ ٱلْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ ٱلرَّدَىٰ بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 کالي﴾.

وَصَلَّى ٱللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ وَسَلَّمَ، وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

**Ihsan : Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama**

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## آية الكرسى

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَىُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَىْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ ۚ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

**Peringatan :**
Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ العَلِيُّ الْعَظِيمُ 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

## (صلوات تفرجية)

اَللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقَدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ الْكُرَبُ، وَتُقْضَى بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى الْغَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

**Maksudnya :**
Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

**Penerangannya :**
Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

## سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارُ

اَللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

**Maksudnya :**
*"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".*

**Fadilatnya :**
Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذكر بچاءن يڠ مماوا كبراونتوڠن ساڠت بسر كڤد ڤڠعملن ( تولق بلاء)

**(1)**

حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

**(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

**(2)**

أَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيمْ

**(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).**

**Penerangan :**
Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

**(3)**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

**(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).**

**Penerangan :**
Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

**(4)**

وَأُفَوِّضُ أَمْرِي إِلَى اللّٰهِ

**(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

**(5)**

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيْثُ

**(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).**

**Penerangan :**
Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dan apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

# USAHA BERSAMA MENAMBAH BEKALAN DARAH NEGARA

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 10 Januari. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah menganjurkan Kempen Derma Darah dengan Kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Kementerian Kesihatan.

Pada kempen berkenaan, sebanyak 57 beg darah telah berjaya dikumpulkan.

Kempen Derma Darah tersebut merupakan salah satu inisiatif tanggungjawab sosial dan aktiviti jabatan dalam usaha bersama untuk menambah bekalan darah bagi tabung bekalan darah negara.

Kempen juga bertujuan untuk menggalakkan pendermaan darah melalui peningkatan kesedaran mengenai manfaatnya.

Melalui inisiatif ini diharap akan dapat memastikan ketersediaan bekalan darah yang mencukupi di samping memupuk semangat saling membantu dalam kalangan warga JIPK bersama-sama agensi kerajaan lainnya.



KEMPEN Derma Darah tersebut merupakan salah satu inisiatif tanggungjawab sosial dan aktiviti jabatan dalam usaha bersama untuk menambah bekalan darah bagi tabung bekalan darah negara.

# Keputusan Peperiksaan SPB dikeluarkan

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 10 Januari. - Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan mengumumkan bahawa keputusan Peperiksaan Sijil Perdagangan Brunei (SPB)-November 2023 telah pun dikeluarkan pada Isnin, 8 Januari 2024.

Calon-calon yang telah menduduki peperiksaan tersebut bolehlah mengambilslip / sijil masing-masing di Pusat Perkhidmatan Setempat (Kaunter Jabatan Peperiksaan), Kementerian Pendidikan semasa waktu bekerja iaitu Isnin hingga Khamis dan Sabtu, mulai jam 7.45 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 1.30 petang hingga 4.00 petang.








# BDCB TERBITKAN INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN NBD NOVEMBER 2023

Siaran Akhbar dan Infografik : Brunei Darussalam Central Bank

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 10 Januari. – Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau Business Sentiment Index (BSI) Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi bulan November 2023. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik ke atas lebih daripada 500 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana dan besar daripada 11 Sektor Ekonomi dari semua daerah di NBD.

BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan di NBD dalam pelbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan, pelaburan, pengambilan pekerja dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, indeks ini boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk awal keadaan makroekonomi di dalam negeri.

Keterangan indeks adalah seperti berikut iaitu nilai BSI; atas 50, ulasannya adalah keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya; nilai BSI; 50, ulasannya adalah keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya dan akhir sekali, nilai BSI; bawah 50, ulasannya adalah keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya.

Terdapat sembilan sub-indeks di dalam BSI. Indeks utama BSI iaitu sub-indeks Keadaan Perniagaan adalah pada tahap 50.1 bagi bulan November 2023. Ini menunjukkan perniagaan di sektor swasta, secara amnya, menjangka sedikit penambahbaikan terhadap keadaan perniagaan berbanding dengan bulan sebelumnya.

Sebahagian perniagaan mengongsikan jangkaan peningkatan dalam pengeluaran dan permintaan yang lebih tinggi bagi produk dan perkhidmatan menjelang percutian hujung tahun dan persediaan untuk tahun baharu bagi beberapa sektor.

Di samping itu, beberapa perniagaan juga menjangka peningkatan jumlah pesanan dan tawaran kontrak / projek manakala sebahagian perniagaan menumpukan fokus kepada projek yang sedang berjalan. Indeks untuk satu bulan ke hadapan berada pada 50.0 ini menunjukkan jangkaan tahap aktiviti perniagaan yang lebih kurang sama seperti bulan November 2023.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perniagaan yang berpandangan optimistik dengan peningkatan perbelanjaan pengguna, namun beberapa perniagaan lain menyuarakan kekhuatiran ramai penduduk akan ke luar negeri pada bulan Disember 2023.

Sub-indeks Pelaburan adalah 50.1 bagi bulan November 2023, 50.1 untuk satu bulan ke hadapan dan 50.2 bagi tiga bulan ke hadapan. Ini menunjukkan secara amnya, para peniaga dijangka akan meningkatkan perbelanjaan pelaburan pada bulan November 2023 dan pada bulan-bulan seterusnya.

Perbelanjaan ini termasuk pengubahsuaian pejabat dan kedai-kedai serta pembelian kenderaan, peralatan pejabat, bahan-bahan, peralatan dan mesin baharu. Kebanyakan perniagaan melaporkan keperluan untuk penambahan inventori sebagai persediaan untuk musim perayaan yang mendatang seperti Istiadat Perkahwinan Diraja, Tahun Baharu Cina dan Hari Raya Aidilfitri.

Sub-indeks Pengambilan Kerja adalah 50.5 bagi bulan ini dan juga bagi satu bulan ke hadapan. Secara amnya, terdapat perancangan untuk menambah jumlah pekerja pada bulan November 2023 berikutan jangkaan peningkatan dalam perbelanjaan berkaitan dengan tenaga kerja, terutamanya bagi pengambilan baharu, gaji lebih masa dan juga kenaikan gaji.

Secara amnya, kos menjalankan perniagaan akan terus meningkat disebabkan beberapa faktor, termasuk kenaikan harga bahan, pembelian bahan mentah, perbelanjaan untuk pemasaran dan acara-acara serta kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan. Disebabkan peningkatan perbelanjaan pada bulan November, perniagaan menjangka kos lebih rendah bagi bulan Disember 2023. BSI November 2023 boleh dilihat pada rajah yang telah disediakan.

Dari segi Sektor Ekonomi, empat daripada 11 sektor mencatatkan sentimen optimistik pada bulan November 2023. Sektor Kewangan dan Insurans mencatatkan sentimen optimistik yang tertinggi dengan indeks 50.4 disebabkan oleh kenaikan dalam permintaan bagi produk dan perkhidmatan.

Sektor Minyak dan Gas serta yang berkaitan berpandangan sedikit optimistik disebabkan peningkatan aktiviti berbanding dengan bulan sebelumnya. Sektor Pengangkutan dan Komunikasi dan Sektor Perkhidmatan Lain merasa optimistik dengan jangkaan peningkatan aktiviti perniagaan.

Penawaran kontrak / projek baharu juga menyumbangkan kepada sentimen optimistik bagi Sektor Perkhidmatan Lain. Sebaliknya, lima sektor mencatatkan sentimen sedikit pesimistik disebabkan beberapa faktor. Sektor Pembinaan melaporkan penurunan aktiviti dan pengurangan tenaga kerja manakala Sektor Kesihatan dan Pendidikan melaporkan pendapatan yang berkurangan berbanding bulan sebelumnya.

Sektor-sektor Perdagangan Borong dan Runcit serta Hotel dan Restoran menjangka penurunan jualan domestik dengan peningkatan perjalanan rentas sempadan. Seterusnya, Sektor Pertanian, Perhutanan, Perikanan dan Penternakan pula melaporkan cuaca yang tidak menentu, pengeluaran yang lebih rendah dan pengurangan permintaan pengguna. Sementara itu, Sektor Harta Tanah dan Pemilikan Kediaman dan Pembuatan melaporkan keadaan perniagaan yang hampir sama seperti bulan Oktober 2023 (boleh rujuk rajah yang disediakan).

Dari segi indeks mengikut saiz perniagaan, perniagaan bersaiz mikro dan sederhana menjangka keadaan yang lebih baik pada bulan November 2023 berbanding bulan sebelumnya. Secara amnya, para peniaga berpandangan positif dengan jangkaan peningkatan projek dan pesanan. Sementara itu, perniagaan kecil dan besar melaporkan keadaan yang hampir sama pada bulan November 2023 berbanding bulan sebelumnya (boleh rujuk rajah yang disediakan).

Carta untuk BSI dan sub-indeksnya sejak bulan Ogos 2020 adalah seperti di lampiran-lampiran yang disediakan untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman sesawang BDCB di *www.bdcb.gov.bn.* Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB di *@centralbank.brunei.*

| Nilai BSI | Ulasan |
|---|---|
| Atas 50 | Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya |
| 50 | Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya |
| Bawah 50 | Keadaan yang merosot / Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya |

| BSI November 2023 | |
|---|---|
| Keadaan Perniagaan | 50.1 |
| Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan | 50.0 |
| Pelaburan | 50.1 |
| Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan | 50.1 |
| Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan | 50.2 |
| Pengambilan Pekerja | 50.5 |
| Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan | 50.5 |
| Kos Perniagaan Bulan Ini | 50.4 |
| Kos Satu Bulan ke Hadapan | 49.7 |

| Keadaan Perniagaan November 2023 Mengikut Sektor | |
|---|---|
| Kewangan & Insurans | 50.4 |
| Minyak & Gas dan yang Berkaitan | 50.1 |
| Perkhidmatan Lain | 50.1 |
| Pengangkutan & Komunikasi | 50.1 |
| Pembuatan | 50.0 |
| Harta Tanah & Pemilikan Kediaman | 50.0 |
| Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan | 49.9 |
| Hotel & Restoran | 49.9 |
| Kesihatan & Pendidikan | 49.9 |
| Perdagangan Borong & Runcit | 49.8 |
| Pembinaan | 49.7 |

| Keadaan Perniagaan November 2023 Mengikut Saiz | |
|---|---|
| Mikro | 50.2 |
| Kecil | 50.0 |
| Sederhana | 50.1 |
| Besar | 50.0 |












قليتا بروني PELITA BRUNEI

# BNAB ADAKAN MAKAN MALAM AMAL





**PERSATUAN Orang-orang Cacat Penglihatan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BNAB) dan disokong oleh Pantai Jerudong Specialist Centre semasa mengadakan acara Makan Malam Amal Dining in the Dark 2024 sempena Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (HAOKU) (atas kiri, atas kanan dan bawah kanan).**

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 10 Januari. - Bagi mengumpul dana untuk menjalankan program-program dan aktiviti-aktiviti persatuan dan memberikan kesedaran kepada orang awam tentang masalah penglihatan sebagai isu kesihatan antarabangsa, Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BNAB) dan disokong oleh Pantai Jerudong Specialist Centre mengadakan acara Makan Malam Amal Dining in the Dark 2024 sempena Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (HAOKU).

Acara yang berlangsung di Hall 1, Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dihadiri oleh Yang Di-Pertua Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU), Dato Paduka Haji Mohammad Alimin bin Haji Abdul Wahab yang juga hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Terdahulu acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dibacakan oleh Awang Mohammad Hakim Imanuddin bin Asarwih dan diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Presiden BNAB, Awang Mohammad Hamzi bin Omar.

Dalam ucapan Awang Mohd. Hamzi antara lain menjelaskan bahawa setakat tahun 2023 seramai 89 ahli persatuan telah mendaftar di bawah BNAB.

Selain itu, beliau juga menjelaskan bahawa sebelum pandemik COVID-19, pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan oleh persatuan berkenaan. Tambahnya lagi, semasa pandemik tersebut BNAB telah menyumbangkan sumbangan dari segi kewangan kepada ahli persatuan yang memerlukan.

"Pihak persatuan amat bersyukur kepada pihak berkepentingan, yang mana mengadakan *engagement networking* kepada pihak berkepentingan khususnya untuk OKU penglihatan atau OKU keseluruhannya melibatkan dasar-dasar dan Pelan Tindakan yang berkaitan di dalam urusan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam," ujar beliau lagi pada majlis tersebut.

Acara tersebut turut diisikan dengan tayangan video pengenalan BNAB dan disusuli dengan penyampaian sijil penghargaan kepada para penaja serta sesi perkongsian cabaran kehidupan OKU Penglihatan daripada salah seorang Ahli BNAB, Dayangku Soffiezah binti Pengiran Haji Abu Bakar.

Seterusnya acara dimeriahkan dengan menyaksikan tayangan video mobiliti penyediaan makanan dan kemudian peserta menikmati makan malam dengan lampu ditutup dan menggunakan penutup mata selama 15 minit.

Dalam sama-sama memeriahkan lagi acara tersebut, persembahan nyanyian daripada Ahli-ahli BNAB turut menyerikan acara dan diteruskan juga dengan Aktiviti Cabutan Bertuah.



# RPPI suku ketiga meningkat

| Jumlah Transaksi pada Q3 2023 mengikut Daerah | |
|---|---|
| Brunei dan Muara | 75 |
| Tutong | 16 |
| Belait | 9 |
| Temburong | 0 |

| 5 Mukim dengan Jumlah Transaksi Tertinggi pada Q3 2023 | |
|---|---|
| Sengkurong | 21 |
| Pekan Tutong | 11 |
| Mentiri | 10 |
| Gadong | 10 |
| Lumapas | 8 |

**Siaran Akhbar dan Infografik : Brunei Darussalam Central Bank**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 10 Januari. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Harga Hartanah Kediaman atau Residential Property Price Index (RPPI) Negara Brunei Darussalam bagi suku ketiga 2023 (Q3 2023) hari ini.

Indeks ini dihasilkan dengan data yang diperolehi daripada bank-bank di Negara Brunei Darussalam, dan diterbitkan dengan kerjasama pihak Kementerian Pembangunan, khususnya Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCI), RPPI mengukur kadar perubahan harga hartanah kediaman persendirian yang dibeli oleh isi rumah dari semasa ke semasa.

Pada Q3 2023, RPPI menunjukkan peningkatan sebanyak 6.7 peratus tahun ke-tahun kepada 97.8 peratus berbanding dengan Q3 2022, dan juga peningkatan sebanyak 5.6 peratus berbanding dengan Q2 2023.

Berdasarkan data pinjaman bagi pembelian hartanah kediaman persendirian yang diperoleh daripada bank-bank, sebanyak 100 transaksi pembelian hartanah kediaman persendirian telah dicatatkan pada Q3 2023.

Ini menunjukkan penurunan sebanyak 25.9 peratus berbanding dengan tahun lalu dan penurunan sebanyak 22.5 peratus berbanding dengan Q2 2023. Pada Q3 2023, sebahagian besar daripada transaksi tersebut adalah bagi pembelian rumah berasingan atau *detached* (59.0 peratus), diikuti dengan berkembar atau *semi-detached* (20.0 peratus), rumah teres (18.0 peratus), pangsapuri (3.0 peratus). Tidak ada pembelian tanah melalui pembiayaan bank dicatatkan pada Q3 2023.

Harga penengah (median) bagi pembelian kesemua jenis hartanah kediaman persendirian pada Q3 2023 adalah BND260,000.

Ini menunjukkan penurunan sebanyak 2.0 peratus berbanding dengan Q3 2023. Harga penengah bagi pembelian rumah berasingan atau *detached* adalah BND288,000, bagi rumah berkembar atau *semi-deatched* pula adalah BND 267,500 dan bagi rumah teres adalah BND213,000, manakala bagi pangsapuri adalah BND215,000.

Pengiraan RPPI adalah menggunakan harga penengah dan bukan harga purata kerana harga penengah tidak mudah terjejas oleh harga hartanah yang luar biasa dalam suatu tempoh masa.

Dari segi lokasi pula, kebanyakan pembelian hartanah kediaman persendirian pada Q3 2023 adalah yang terletak di Daerah Brunei dan Muara (75 hartanah), sebahagian pula di Daerah Tutong (16 hartanah) dan Daerah Belait (9 hartanah).

Sehubungan dengan ini, lima buah mukim merekodkan jumlah transaksi yang tertinggi bagi Q3 2023 adalah Mukim Sengkurong, Pekan Tutong, Mukim Mentiri, Mukim Gadong dan Mukim Lumapas.

Indeks dan statistik yang diterbitkan adalah untuk maklumat umum sahaja. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak hanya bergantung kepada indeks dan statistik ini dalam menilai mana-mana hartanah, kerana harga hartanah kediaman persendirian adalah berbeza tertakluk antara lainnya kepada lokasi, saiz tanah dan keluasan lantai.

Bagi maklumat lanjut, nota teknikal dan data terkini boleh didapati di laman sesawang BDCB, *www.bdcb.gov.bn*. Maklumat terkini mengenai RPPI juga akan dikeluarkan dari semasa ke semasa melalui akaun Instagram BDCB di *@centralbank.brunei*.

| Tempoh | Indeks (Q1 2015 = 100) | Perubahan (%) Dari Q3 2022 | Perubahan (%) Dari Q2 2023 |
|---|---|---|---|
| Q3 2023 | 97.8 | 6.7% | 5.6% |






PEJABAT PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI

**Bilangan Tawaran:**
PPN / BRUIPO / BUU / QTN / 2024 / 1 / 2

**Tajuk Tawaran :**
BRUIPO EPG MOF E-PAYMENT INTEGRATION AND CONFIGURATION AT ATTORNEY GENERAL'S CHAMBER, JALAN RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA, BANDAR SERI BEGAWAN

**Tarikh Tutup :**
Selasa, 16 Januari 2024
Tidak lewat jam 2.00 Petang

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Makluman Iklan Lanjutan**

Dibukakan Kepada Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

**Kelas :**
III, IV & V

Kategori :
KPME05

**Tarikh Tutup Dilanjutkan Sehingga :**
16 Januari 2024, (Selasa)
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran :**
JKR / DME / BP / 37 / 2023

**Nama Projek :**
Penggantian Halon 1301 Extinguisher System Bagi Bangunan Undang-Undang

**Yuran Tawaran :**
BND30.00

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Makluman Iklan Lanjutan :**

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

**Kelas :**
Vehicles Supplier / Agent Only

**Kategori :**
Vehicles Supplier / Agent Only

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :**
26 Disember 2023, (Selasa).

**Tarikh Tutup Dilanjutkan Sehingga :**
16 Januari 2024 (Selasa),
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran :**
JKR / DME / BOP-ME / 38 / 2023

**Nama Projek :**
Membekal Tiga (3) Unit Kenderaan Pemeriksaan Jalan Raya Untuk Jabatan Jalan Raya, Jabatan Kerja Raya

**Yuran Tawaran :**
BND30.00

JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

**Tajuk Tawaran :**
"THE SUPPLY AND DELIVERY OF ISATPHONE PREPAID SUBSCRIPTION SERVICES AND ANNUAL LICENSE FEE FOR SEARCH AND RESCUE OPERATION, DEPARTMENT OF CIVIL AVIATION"
ATELS / 2023 / SH-25 (R)

**Tarikh Iklan/Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
8 Januari 2024, Isnin

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
16 Januari 2024, Selasa

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
17 Januari 2024, Rabu
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

**Bilangan Tawaran :**
RTB / 05 / 2023

**Tajuk Tawaran :**
Cleaning Services At Radio Television Brunei Broadcasting Complex Sungai Akar For A Period Of Three (3) Years

**Bayaran Tawaran:**
BND30.00
(tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**
23 Januari 2024.
(2.00 Petang)

Jerudong Park Medical Centre

# JOB VACANCY

## CHIEF FINANCIAL OFFICER (CFO)

The Chief Financial Officer (CFO) is a Senior Management Executive role, responsible for the Hospital's overall fiscal management and financial operations in ensuring long term financial stability for the Hospital and its entities. As CFO, the role encompasses the full scope of the Hospital's core financial functions as the Hospital's Strategic Partner and Advisor for Corporate Business Development, Accounting, Business Services, Cost and Financial Management

### Key Responsibilities and Duties:

**Hospital Management**
- As one of the key Senior Management leaders in the Hospital, this role reports to the Hospital's Executive Management, and will be required to work closely with the Hospital's various stakeholders, partners, agencies/ministries, industry leaders, clients and employees.
- The CFO acts as a key strategic partner and advisor in the Hospital's fiscal health and will be responsible in directing, and managing the company's overall financial risks and health.

**Hospital Corporate Strategies**
- Devices, implement and manages effective financial, costing and business strategies for the Hospital and its entities, monitoring market conditions and hospital performance to ensure fiscal responsibilities are in line with corporate objectives.

**Hospital Financial Management & Business Development**
- Assumes lead role in analyzing and reducing Hospital operating costs and devising cost management strategies to ensure strong and stable financial standing of the Hospital.
- Assumes a lead role in analyzing and exploring means of increasing revenues based on knowledge of market trends, financial reports and operating procedures.

**Hospital Financial Operations**
- Assist in the development of long and short range Hospital operations plans that may include service demand analyses, resources availability and cost benefit analyses of proposed capital and other Hospital business expansions.
- Directs the preparation of internal financial reports including work papers for annual financial audits and other egulated financial reporting (such as to parent company or investors).

## FINANCIAL CONTROLLER (FC)

The Financial Controller will oversee the planning, coordination, and supervision of all financial facets within the hospital's operations. This role involves ensuring adherence to regulatory standards and implementing successful financial strategies.

### Key Responsibilities and Duties:

**Financial Operations**
- Develop and implement financial policies, procedures, and controls to ensure efficient and accurate financial operation.
- Management of all financial and accounting functions within the hospital including preparing and analyzing financial reports, to provide insight into the hospital's financial performance.

**Budgeting and Cost Management**
- Monitor and control budgeting processes, ensuring adherence to financial targets, and identifying areas for cost reduction or revenue enhancement.
- Prepare Annual Capital and Operating Budgets for approval by the Board of Directors.

**Management and Auditing**
- Lead and manage a team of financial professionals, providing guidance, training, and performance evaluation.
- Collaborate with department heads and executives for strategic financial planning.

**Hospital Financial Management and Business Development**
- Analyzing and exploring means of increasing revenues based on knowledge of market trends, financial reports and operating procedures.
- Monitors, interprets and analyzes Hospital financial performance.

For key requirements and more information, interested candidates may visit our website to apply at www.jpmcbrunei.com by 24th February 2024. Kindly be informed that only shortlisted candidates will be contacted.

CR No.: RC00004666

# KETAHUI SUMBER GARAM AWDA

KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

**GARAM TERDIRI DARI 40% SODIUM**




1. Pilih makanan segar dan tidak berproses
2. Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat
3. Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam
4. Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin
5. Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

## JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

**1385 mg**



1 bungkus
**Mee Segera**

**1000 mg**



Sebiji
**Telur Masin**

**880 mg**



1 sudu makan
**Kicap**

**376 mg**



3 sudu makan
***Corned Beef***

**295 mg**



1 bungkus kecil
**Keropok Ubi Kentang**

**243 mg**



1 bungkus kecil
**Keropok Udang Tempatan**

**120 mg**



1 cawan
**Kentang Goreng**

**116 mg**



Segenggam
**Kacang Tanah (Salted)**

**15 mg**



3 keping
**Kraker Beras**

**2.4 mg**



1/2 cawan
**Amping**

**1.7 mg**



Segenggam
**Kacang Tanah (Unsalted)**

**1.2 mg**



Sebiji ukuran sederhana
**Pisang**

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari **satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium)** sehari

**Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok**

hpcbrunei | Health Promotion Centre | Talian Darussalam 123

جوالن سالينن ݢمبر٢ ديݢيتل

# JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



**HARGA JUALAN**

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.
Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan satu keping cd adalah BND21.
(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

**TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN**

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

**JENIS-JENIS**

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam **laman galeri Infofoto (www.infofoto.gov.bn)** dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

**IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN**

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400
FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

**WAKTU PERNIAGAAN**

Isnin - Khamis
8.00 Pagi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg
Sabtu
8.00 Pagi – 11.00 Pagi

InfoDeptBN
Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam
infodept.bn
infodept_bn

# TINGKATKAN KEIMANAN, JAUHI MAKSIAT



**AWANG Hilman bin Haji Salim semasa menyampaikan tazkirah khasnya pada Program Geng Subuh Macam Jumaat.**



**ANTARA yang hadir bagi memeriahkan lagi Program Geng Subuh Macam Jumaat yang berlangsung di Masjid Perpindahan Lambak Kanan.**

**Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**

**LAMBAK KANAN**, Jumaat, 12 Januari. - Melakukan ibadah seperti berzikir, berselawat atau membaca Al-Quran setelah selesai Sembahyang Fardu Subuh sememangnya mempunyai banyak manfaat.

Beribadah pada waktu berkenaan, iaitu sebelum matahari terbit, setentunya akan membuahkan hasil bagi yang ingin mencari keuntungan di dunia, mahupun di akhirat.

Perkara berkenaan antara yang dijelaskan oleh Penolong Pensyarah, Pusat Kajian Fiqh Al-Usrah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Hilman bin Haji Salim semasa menyampaikan tazkirah khasnya pada Program Geng Subuh Macam Jumaat yang berlangsung di Masjid Perpindahan Lambak Kanan, di sini.

Beliau seterusnya berkata, ia adalah bertepatan dengan doa yang dipanjatkan oleh Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang secara khusus mendoakan waktu pagi kepada umatnya.

"Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, 'Ya Allah berkahilah untuk umatku di waktu pagi mereka'. Hadis Riwayat Abu Dawud, At-Tirmidzi, An-Nasa'i dan Ibnu Majah," ujarnya.

Awang Hilman juga turut menekankan pada waktu pagi berkenaan turunnya rezeki daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Beliau kemudiannya mengingatkan, bahawa menurut Imam Al-Ghazali, Islam itu terdiri daripada dua perkara, iaitu pertama ialah meninggalkan maksiat (larangan Allah); dan kedua mengerjakan perintah Allah.

"Mengerjakan perintah itu mudah kerana dorongannya itu macam-macam sebagai contoh bersedekah kerana ingin diberikan rezeki oleh Allah, membaca Al-Quran kerana ingin pahala dan sebagainya.

"Akan tetapi meninggalkan kemaksiatan adalah sangat susah sebab dorongannya satu sahaja, iaitu iman.

"Jihad *kitani* yang paling utama masa ini ialah menguatkan keimanan kepada Allah Subhanahu Wata'ala," tambahnya.

Beliau seterusnya menasihatkan untuk mula meninggalkan maksiat ialah dengan meninggalkan perkara haram yang sederhana seperti mengumpat, menyakiti hati orang, menipu dan sebagainya.

"Selain itu, haruslah kita membantu orang-orang yang baru berhasrat untuk mendatangi ke masjid.

"Paling susah dalam dunia ini adalah istiqamah dalam kebaikan dan istiqamah itu hanya akan dapat dilakukan dengan saling bantu-membantu ke arah kebaikan. Sebab itulah dalam Islam ada konsep *amar makruf nahi mungkar,*" ujarnya lagi.

# Majlis Penyerahan Sumbangan kepada BRC

**Berita dan Foto : Nur Izzah Razali**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 12 Januari. - Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam (BRC) telah dilantik sebagai Jawatankuasa Kerja Kesihatan untuk Majlis Istiadat Perkahwinan Diraja di bawah Kementerian Kesihatan melalui Perkhidmatan Ambulans Perubatan Kecemasan (EMAS) dan BRC untuk menyediakan perlindungan perubatan semasa perarakan Istiadat Perkahwinan Diraja pada Ahad, 14 Januari 2024.

Sehubungan itu, Majlis Penyerahan Sumbangan telah diadakan hari ini berlangsung di BRC Knowledge Hub, Level 1, Kompleks Annajat, di sini.

Hadir selaku tetamu-tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pengarah Urusan, Trane Aire Sdn. Bhd., Tang Chung Kee dan Pengarah Urusan DSC Engineering Sdn. Bhd., Thomas Chiew.

Majlis dimulakan dengan taklimat yang disampaikan oleh Secretary General BRC, Awang Haji Muhammad Suhaimi bin Haji Ibrahim.

Seterusnya Majlis Penyampaian Sumbangan Barangan daripada Trane Aire Sdn. Bhd., yang disampaikan oleh Pengarah Urusan, Tang Chung Kee yang mana menyerahkan 250 helai *vest* Pertolongan Cemas. Manakala DSC Engineering Sdn. Bhd., yang disampaikan oleh Pengarah Urusan, Thomas Chiew telah menyampaikan 50 unit Tactical First Aid Pouch dan 1 unit Emergency Trauma Bag. Kesemua sumbangan barangan tersebut telah diterima oleh Acting President, BRC, Simon K A Leong.

Peralatan perubatan ini akan digunakan oleh Pasukan Pertolongan Cemas BRC semasa perarakan Istiadat Perkahwinan Diraja nanti dan ini adalah daripada tanggungjawab mereka untuk menyediakan perkhidmatan perubatan dan memastikan keselamatan orang awam.

Pasukan tersebut akan ditempatkan di sepanjang laluan perarakan Istiadat Perkahwinan Diraja, bermula dari Istana Nurul Iman ke Muzium Alat Kebesaran Diraja.

Terdapat kira-kira 22 Pos Pertolongan Cemas di sepanjang laluan tersebut, dengan penglibatan kakitangan daripada kadet institusi tinggi, anggota platun daerah dan pegawai serta sukarelawan awam terlatih yang akan berkhidmat sebagai pembantu cemas (*first aiders*).

Turut hadir semasa Majlis Penyampaian Sumbangan tersebut ialah pegawai-pegawai dari BRC di mana yang juga turut mengambil bahagian dalam majlis yang bersejarah tersebut.





**MAJLIS Penyerahan Sumbangan berlangsung di BRC Knowledge Hub, Level 1, Kompleks Annajat (atas). Manakala gambar kiri, peralatan perubatan yang akan digunakan oleh Pasukan Pertolongan Cemas BRC.**



# PAMERAN SOLO KETENGAHKAN HASIL SENI PELUKIS TEMPATAN

Berita dan Foto : Nur Izzah Razali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 10 Januari. - Pameran Solo pertama yang diadakan di Galeri 4, Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja, Bandar Seri Begawan mempamerkan seni kreatif lukisan hasil karya daripada pelukis tempatan bagi menunjukkan perbezaan Kemahiran dan Teknik melukis masing-masing. Pameran tersebut bertujuan untuk memperlihatkan kepada penggiat industri kreatif mengenai perkhidmatan yang boleh diberikan oleh Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja.

Pameran ini boleh dilihat secara mikro (individu) dan kolektif seperti memberi pendedahan kepada pelukis tempatan kitani untuk menunjukkan bakat mereka, membuktikan kepada masyarakat tempatan bahawa bidang seni boleh dijadikan kerjaya, menjadi pemangkin bagi bidang seni khususnya seni lukisan untuk lebih berkembang maju sekali gus memperkembangkan industri kreatif di negara ini. Ia juga boleh menarik minat peminat seni dari dalam dan luar negeri.

Semasa pameran diadakan, sambutan orang ramai sangat memberangsangkan, dan banyak pelukis tempatan dan juga orang ramai hadir untuk melihat sendiri karya seni pelukis tempatan kitani.

Lukisan-lukisan tersebut menerima maklum balas yang positif daripada peminat seni kreatif dan lain-lain yang berminat untuk mempamerkan hasil kerja mereka juga di galeri pada masa akan datang. Pameran ini dibukakan untuk orang ramai, bermula 9 hingga 31 Januari 2024, jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang, setiap Isnin hingga Khamis dan Sabtu.

Manakala pada Ahad bermula jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang, dan tutup pada setiap Jumaat. Orang ramai adalah dialu-alukan untuk berkunjung bersama keluarga untuk sama-sama mengambil peluang dalam menikmati pemandangan seni lukisan hasil lakaran beberapa orang pelukis tempatan.





**PAMERAN Solo pertama yang diadakan di Galeri 4, Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja, Bandar Seri Begawan (kanan dan bawah).**




# Kongsi pengetahuan mengenai trend fotografi

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Azmah Haji Ahad

**TUTONG**, Rabu, 10 Januari. - Pelbagai trend fotografi yang boleh dilihat sekarang dalam dunia fotografi telah mengikut perubahan semasa.

Menurut Yang Di-Pertua Pertubuhan Fotografi Negara Brunei Darussalam, Awang Yusma Bahrin bin Dato Paduka Haji Md. Yusof semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei menjelaskan antara trend tersebut ialah fotografi menggunakan telefon bimbit.

Menurutnya, fotografi menggunakan telefon bimbit atau *handphone* atau sering dikenali sebagai fotografi *mobile* telah menjadi semakin popular, terutama sekali dengan kemajuan teknologi kamera dalam peranti pintar.

Ini katanya, membolehkan pengambilan gambar menggunakan telefon bimbit menjadi perkara biasa seiring dengan peningkatan kualiti kamera yang semakin canggih. Jurugambar amatur hingga profesional sering kali memanfaatkan kemudahan dan kecepatan pengambilan gambar menggunakan telefon bimbit.

Tambahnya, digabungkan dengan aplikasi pengeditan gambar di telefon bimbit membolehkan pengguna untuk lebih cepat dan mudah meningkatkan atau mengubah gambar tanpa memerlukan komputer atau peranti tambahan. Ini berlainan dengan dulu kala di mana tidak ada alternatif lain selain daripada penggunaan komputer untuk pengeditan gambar.

"Dengan adanya telefon bimbit yang kini semakin canggih, fotografi dan pengeditan gambar di telefon bimbit semakin umum digunakan dalam kehidupan sehari-hari, terutama untuk membagikan momen-momen dengan cepat di media sosial. Semuanya dapat dilakukan dari satu *device* atau peranti.

"Fotografi menggunakan telefon bimbit dan pengeditan gambar di dalamnya telah membuka pintu bagi banyak orang untuk terlibat dalam dunia fotografi tanpa perlu memiliki peralatan yang mahal. Dengan kemudahan ini, fotografi dapat diakses oleh lebih banyak orang di seluruh dunia," ujarnya.

Trend seterusnya ialah menggunakan dron yang mana beliau menjelaskan dron atau pesawat kawalan jarak jauh (Unmanned Aerial Vehicle-UAV) dilengkapi dengan kamera untuk mengambil gambar atau merakam video dari ketinggian yang tinggi.

Fotografi dron katanya, telah menjadi semakin popular kerana ia memberikan perspektif unik dan sudut pandang yang tidak mungkin dicapai dengan cara tradisional. Ia membolehkan untuk mengambil gambar dari udara yang boleh memberikan sudut pandang yang dramatik dan memukau terutama sekali untuk pengambilan gambar landskap, bandar atau acara besar yang tidak mungkin dilakukan oleh fotografi konvensional.

Dengan adanya dron ini terangnya, ia boleh digunakan untuk fotografi hartanah atau *real estate* di mana ia boleh digunakan untuk memberikan pemandangan udara sesebuah tempat dan sekitarnya. Ia juga sering digunakan untuk pemberitaan dan kewartawanan.

"Dengan adanya dron ini, seorang jurugambar dapat mengakses lokasi yang sukar untuk digambar tetapi kita perlu patuhi peraturan pemakaian dron daripada pihak yang berkuasa," jelasnya lagi.

"Street fotografi juga semakin popular dalam kalangan pelbagai kelompok usia, termasuk kanak-kanak dan orang dewasa. Ini adalah bentuk fotografi yang menangkap momen-momen seharian di tempat-tempat umum dengan tujuan untuk merakam kehidupan dan keunikan seharian.

"Melalui fotografi jalanan ini, ia membolehkan seseorang untuk menangkap gambar seperti budaya, kehidupan seharian dan masyarakat. Ia boleh mengajak orang untuk menghargai kecantikan dalam kehidupan seharian serta menghargai budaya yang tradisi dan juga boleh digunakan sebagai alat pembelajaran yang baik untuk melihat dunia dengan mata yang lebih kreatif," ujarnya menjelaskan lagi.

Dalam fotografi jalanan ini tambahnya, ia melibatkan penggunaan teknik kreatif seperti komposisi, pencahayaan dan sudut pandang yang unik. Ini membolehkan seseorang jurugambar untuk mengembangkan teknik fotografi dan penceritaan visual melalui gambar.

Fotografi jalanan lebih dari sekadar pengambilan gambar tetapi ia membolehkan untuk menceritakan pelbagai cerita seperti memahami kehidupan seharian, menghargai budaya dan tradisi dan memperluas pandangan dunia. Setiap jurugambar perlu memiliki pendekatan yang unik terhadap seni mereka sendiri. Jadi kita perlu mencipta gaya sendiri dalam dunia fotografi.



**PELBAGAI trend fotografi yang boleh dilihat sekarang dalam dunia fotografi telah mengikut perubahan semasa.**

# LELAKI TEMPATAN DIPENJARA ATAS KESALAHAN CURI

DARI MAHKAMAH

■ Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 10 Januari. - Mahkamah Majistret telah menjatuhkan hukuman penjara selama dua tahun terhadap seorang lelaki tempatan atas kesalahan mencuri.

Pemangku Majistret Kanan, Dewi Norlelawati binti Haji Abdul Hamid menjatuhkan hukuman itu terhadap Muhammad Nazrul Azmi bin Mohd. Nuruddin (D2), berusia 19 tahun yang mengakui semua pertuduhan terhadapnya.

Timbalan Pendakwa, Nur Hidayatul Aeny Alisah binti Haji Zullizam mendedahkan bahawa D2 telah mencuri satu penghawa dingin dari Blok 379 A8, Berek Lorong Tiga Selatan Seria, Kuala Belait. Mahkamah memerintahkan agar defendan menjalani hukuman penjara bermula pada 6 Januari 2024.

Mengikut fakta D2 dan orang 'A' berada di sekitar di Berek Lorong Tiga Selatan Seria, Kuala Belait untuk bertemu seseorang yang bernama Tarmiza. Tarmiza meminta D2 untuk mencarikan penghawa dingin dan berjanji akan membayarnya BND30, namun jika D2 berjaya mendapatkan penghawa dingin bersama orang 'A', beliau akan membayar sebanyak BND40.

Dengan yang demikian, D2 dan orang 'A', kedua-duanya kemudian dengan niat bersama untuk melakukan pencurian. Bagi meneruskan hasrat bersama, D2 dan orang 'A' terus pergi ke kawasan berek berhampiran Berek Lorong Tiga Selatan Seria, Kuala Belait. Di sana, kedua-duanya memasuki berek tersebut dan mencuri sebuah penghawa dingin jenis tingkap.

Selepas itu, orang 'A' keluar dari berek tersebut dan membantu D2 membawa penghawa dingin tersebut ke rumah Tarmiza. Kemudian Tarmiza membayar kedua-duanya BND40 seperti yang dijanjikan. Pada 2 Januari 2024, satu laporan polis mengenai kehilangan penghawa dingin telah dilaporkan oleh pengadu.

Siasatan polis membawa kepada penahanan D2 dan orang 'A'. Kedua-dua D2 dan orang 'A' mengaku melakukan kesalahan di atas. Penghawa dingin jenis tingkap yang dicuri tersebut telah ditemui semula dan dikenal secara positif oleh pihak Pengadu. Dalam rekod D2 tidak mempunyai sabitan jenayah sebelum ini.

## Miliki barang tegahan : Lelaki warga asing didenda

■ Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 10 Januari. - Mahkamah Majistret hari ini, menjatuhkan hukuman denda sebanyak BND8,400 atau lapan bulan pemenjaraan jika gagal membayar denda berkenaan terhadap seorang lelaki warganegara Indonesia.

Majistret Fatin Fikriyah binti Haji Rosli, memutuskan hukuman terbabit selepas Sugianto yang berusia 36 tahun mengaku bersalah atas satu pertuduhan.

Mengikut pertuduhan, defendan didakwa atas kesalahan kerana memiliki 12 karton rokok pelbagai jenis tanpa permit dan kebenaran yang sah yang ditemui di sebuah Rumah Sewa di Kampung Delima Satu.

Sementara semua barang yang terlibat, iaitu rokok juga dihukum rampas untuk diserahkan kepada pihak kerajaan bagi tujuan dimusnahkan. Pegawai Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja menjalankan tangkapan terhadap defendan pada 8 Januari 2024, jam 5.06 petang.

## Curi : Lelaki tempatan dipenjara

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 10 Januari. - Mahkamah Majistret telah menjatuhkan hukuman penjara 18 bulan terhadap seorang lelaki tempatan atas kesalahan melakukan curi di Berek Seria, Kuala Belait.

Pemangku Majistret Kanan, Dewi Norlelawati binti Haji Abdul Hamid menjatuhkan hukuman itu terhadap Muhammad Abdul Ayub bin Kamaruddin, berusia 18 tahun yang mengakui semua pertuduhan terhadapnya. Mahkamah memerintahkan hukuman penjara bermula dari tarikh tangkapan pada 6 Januari 2024.

Timbalan Pendakwa Raya, Nur Hidayatul Aeny Alisha binti Haji Zullizam mendedahkan kepada mahkamah bahawa pada 6 Disember 2023 dan 30 Disember 2023, defendan dan rakannya berbincang untuk melakukan kecurian di berek terbiar yang beralamat di Berek B-3, Block 395, Simpang 198-62, Lorong 3, Seria, Kuala Belait. Mengikut pertuduhan, defendan juga didakwa dengan niat mencuri sebuah vakum dan televisyen.

Pada 30 Disember 2023, pengadu menerima telefon panggilan daripada jirannya memaklumkan bahawa pintu belakang berek tersebut terbuka. Keesokan harinya, pengadu mendapati berek tersebut digeledah dan membuat laporan polis.

Siasatan polis membawa kepada penahanan defendan. Semasa siasatan polis, defendan mengaku melakukan kesalahan di atas. Defendan seterusnya mengakui bahawa dia menyimpan vakum yang dicuri di rumahnya untuk kegunaan peribadi.

Defendan seterusnya mengaku menjual kedua-dua televisyen tersebut kepada dua pembeli yang berbeza, dalam jumlah BND30-40. Hasil jualan daripada televisyen yang dicuri digunakan untuk membeli dadah, yang kemudiannya dikongsi bersama rakannya. Kesemua barang curi tersebut telah ditemui semula dan dikenal pasti secara sah oleh pihak pengadu.

Defendan dan rakannya kemudiannya mencuri meter air dari kawasan tersebut. Bagi meneruskan niat bersama, mereka berjalan ke kawasan tersebut. Defendan terus menjadi pengawal dan rakannya terus menyarung 2 meter air. Selepas itu, mereka pulang ke rumah bersama meter air yang dicuri.

Di rumah rakannya, kedua-dua defendan terus menyarung 3 meter air yang dicuri dan dipotong-potong. Keesokan harinya, rakannya menjual meter air tersebut kepada pembeli dalam jumlah BND20.

Pada 24 dan 26 Disember 2023, penghuni di berek tersebut melaporkan kepada polis bahawa meter air dari sekitar Blok 365, Berek Lorong Tiga Selatan Seria, Kuala Belait telah hilang yang menyebabkan gangguan air di beberapa kawasan.

Siasatan polis mendapati meter air itu milik Kerajaan Brunei Darussalam dan membawa kepada penahanan defendan dan rakannya. Semasa siasatan polis, defendan dan rakannya mengaku melakukan perkara atas kesalahan. Kesemua meter air yang dicuri tersebut tidak ditemui.

# Perniagaan makanan di kiub, mudah, cepat

Oleh : Aimi Sani
Foto : Ihsan Salwana Haji Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 12 Januari. - Semenjak penularan wabak COVID-19 beberapa tahun lalu, orang ramai semakin banyak memulakan perniagaan kecil-kecilan atau mikro terutamanya dalam bidang penjualan makanan dan minuman.

Perniagaan dilakukan kadang-kadang untuk memenuhi keperluan pendapatan harian, berikutan terkesan dengan penularan wabak khususnya mereka yang kehilangan pekerjaan dan juga sebagai tambahan kepada pendapatan bulanan daripada pekerjaan tetap.

Sememangnya, lebih ramai pelanggan yang gemar berkunjung ke kedai-kedai kiub yang menawarkan pelbagai jualan barangan terutamanya penjualan makanan dan minuman yang buka seawal jam 6.00 pagi.

Ini sangat memudahkan bagi orang yang hendak turun bekerja dan sebelum menghantar anak-anak pergi ke sekolah untuk membeli sarapan mereka dengan pelbagai jenis pilihan makanan seperti kuih-muih, nasi bungkus, mi goreng yang sudah dibungkus dan sebagainya.

Dayang Salwana binti Haji Ali, pemilik D'Aleys Cube Shop yang berlokasi di Jalan Ong Sum Ping ketika ditemui berkata bahawa beliau memulakan operasi kiub pada Oktober 2023 dengan menawarkan peniaga tempatan menghantar makanan dan minuman selain pelbagai barangan lainnya seperti pakaian dan kosmetik.

Menurut beliau, setakat ini lebih 100 vendor telah pun menyewa dan beliau berasa sangat bersyukur di atas sambutan yang sangat menggalakkan meskipun kiub beliau baru sahaja di buka beberapa bulan yang lepas.

Seorang pengunjung, Dayang Rosidah binti Haji Serudin ketika ditemui pula mengongsikan bahawa operasi kiub ini sangat memudahkan khususnya bagi beliau sendiri yang kadang kala tidak sempat untuk makan sarapan pagi kerana sibuk menguruskan dan memeduli anak-anaknya sebelum menghantar mereka ke sekolah, justeru dengan adanya operasi kiub ini, beliau boleh singgah sebentar membeli makanan untuk sarapan pagi sebelum memulakan tugas beliau.



KEDAI-kedai kiub yang menawarkan pelbagai jualan barangan terutamanya penjualan makanan dan minuman.



# TIMBA PENGALAMAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN ANTARABANGSA

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman




**SERAMAI 10 pelajar belia dari Korea Selatan menyertai Kem Pengajian ke Negara Brunei Darussalam (Study Camp to Brunei Darussalam) yang dianjurkan bersama oleh Kolej Perniagaan Laksamana dan pertubuhan luar Korea Selatan.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 11 Januari. - Seramai 10 pelajar belia dari Korea Selatan pagi tadi menyertai Kem Pengajian ke Negara Brunei Darussalam (Study Camp to Brunei Darussalam) yang dianjurkan bersama oleh Kolej Perniagaan Laksamana (Laksamana College of Business - LCB) dan pertubuhan luar Korea Selatan.

Sehubungan dengan itu, majlis bagi mengalu-alukan ketibaan pelajar tersebut diadakan di Auditrorium LCB, di sini.

Antara yang hadir bagi mengalu-alukan para pelajar ialah Timbalan Pengetua LCB, Mr S. Sivarajah, serta para pensyarah dan kakitangan LCB.

Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Mr. S. Sivarajah dan diikuti dengan penyampaian cendera hati kepada para pelajar berkenaan.

Kem Pengajian ke Negara Brunei Darussalam yang disertai pelajar berumur 10 hingga 12 tahun itu, bertujuan untuk memisahkan diri daripada sempadan pembelajaran tradisional, menawarkan pengalaman transformatif yang menggabungkan gaya pembelajaran antarabangsa, pembangunan kemahiran dan gambaran sekilas untuk belajar dan tinggal di luar negara.

Program *hands-on* ini memastikan para peserta menjadi penyumbang aktif kepada landskap pendidikan global yang dinamik dan bukan hanya penonton semata-mata.

Dibimbing oleh pensyarah-pensyarah LCB dari pelbagai latar belakang, sesi pembelajaran meliputi hospitaliti, sains komputer, seni masakan, dan penguasaan bahasa Inggeris, mengutamakan aplikasi praktikal berbanding kaedah tradisional.

LCB akan memainkan peranan penting dalam memupuk pertumbuhan intelek dan peribadi sepanjang kem pengajian.

Antara aktiviti tersebut ialah aktiviti kebudayaan, seperti merasa kuih tempatan serta mempelajari asas bahasa Melayu dan aktiviti tambahan seperti membuat piza, membuat Biskut Sable dan Hiasan Biskut, yang ditawarkan oleh The Culinary School, yang mana akan memperkayakan pengalaman pelajar.

Kem Pengajian Korea di LCB memainkan peranan penting dalam memupuk pembangunan akademik, budaya dan peribadi pelajar.

Tahun ini merupakan kali kedua LCB menganjurkan program sedemikian dengan komitmen mereka untuk merintis pendekatan inovatif dalam pendidikan.

LCB juga akan menganjurkan Hari Terbuka LCB pada 17 hingga 19 Februari 2024 bermula 11 pagi hingga 8 malam.

Untuk sebarang pertanyaan mengenai Kem Pengajian, hubungi terus ke talian +673 2238816 / 18 atau +673 8907927 dan melalui platform media sosial Instagram di *@lcb_brunei.*




## *Cromboloni* menjadi buruan ramai

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Ihsan *@dessertria*

**TAHUKAH** awda apa itu *cromboloni*? Baru-baru ini, *cromboloni* menjadi perbincangan hangat dan tular di media sosial kerana visualnya yang menyelerakan dan sedap. Mengapa ia dipanggil *cromboloni* kerana ia merupakan inovasi pastri yang menggabungkan ciri-ciri *croissant* dan *bomboloni*.



*Croissant* adalah kek dari Austria yang diperbuat daripada adunan pastri berlapis. Manakala *bomboloni* pula ialah donat tanpa lubang yang berasal dari Itali dan diisi dengan krim atau kastard.

*Cromboloni* berbentuk bulat dan besar seperti *bomboloni*. Tekstur luarnya yang ranggup seperti *croissant* dan dalamnya pula lembut. Ia diisi dengan inti krim perisa coklat, vanilla, matcha, strawberi dan sebagainya. Ditambah lagi dengan *topping* berwarna-warni dan sos yang menjadi hiasan di atasnya menarik perhatian pembeli untuk mencuba. Ada juga yang membuat *cromboloni* bersaiz kecil.

Kewujudan *cromboloni* sebenarnya sudah lama ada. Apabila ia sering muncul di platform media sosial yang kini banyak penggunanya seperti TikTok, menyebabkan ia menjadi tular di negara-negara jiran seperti Malaysia dan Indonesia. Negara Brunei Darussalam juga tidak ketinggalan dengan trend ini dan ada sebahagian kafe yang mula menjualnya dengan kadar harga BND5 ke atas dengan pelbagai perisa yang ditawarkan.

Salah satu faktor kepopularannya di media sosial adalah kerana adanya unggahan daripada beberapa pengguna TikTok yang menunjukkan mereka sedang menikmati makanan tersebut sekali gus memperlihatkan bentuk dan isi yang ada pada *cromboloni* kepada mereka yang menonton. Selain ukurannya yang besar, daya tarik *cromboloni* juga ada pada variasi *topping* dan sos yang dicampur. Contohnya seperti *topping* strawberi yang boleh digabungkan dengan sos coklat. Pelanggan boleh memilih bermacam-macam perisa, *topping*, krim dan sos mengikut cita rasa masing-masing.

*Cromboloni* biasanya dibuat daripada adunan doh yang mengandungi tepung gandum, ragi (*yeast*), telur, susu dan gula. Campuran ini kemudiannya dibentuk menjadi bebola kecil atau donat dan digoreng hingga berwarna keperangan. Makanan ringan ini telah menjadi popular dan variasi *cromboloni* boleh didapati di pelbagai negara. Setiap negara mungkin mempunyai cara tersendiri untuk menyediakan dan menghidangkan *cromboloni*. Walau bagaimanapun, *cromboloni* umumnya terkenal dengan kelembutan dan rasa manis yang lazat.

Bagi mereka yang gemar dengan makanan pastri, mungkin ini adalah peluang mereka untuk mencuba sesuatu yang baharu terutama sekali *cromboloni* yang menggabungkan dua jenis pastri dalam satu bentuk. Bagi penggemarnya bolehlah mencuba *croissant* dan *bomboloni* dalam masa yang sama tanpa membelinya secara berasingan. *Cromboloni* ini juga sesuai untuk dijadikan sebagai hidangan pencuci mulut di pelbagai acara atau sebagai buah tangan di sesebuah majlis. Selain itu, ia juga boleh dijadikan sebagai hidangan santai ketika sarapan pagi atau minum petang. *Cromboloni* lebih nikmat disertakan dengan minuman panas seperti teh atau kopi.

# KORBAN GEMPA BUMI JEPUN KINI CECAH 213 ORANG, 52 MASIH HILANG

BERITA GLOBAL

**TOKYO,** 11 Jan. - Jumlah korban akibat bencana gempa bumi yang melanda wilayah Ishikawa di tengah Jepun kini mencecah seramai 213 orang pada Khamis, lapor Xinhua memetik media tempatan.

Sejumlah 52 orang masih belum ditemukan manakala sekurang-kurangnya 567 lagi cedera, menurut penyiar NHK.

Sebanyak 98 kematian dilaporkan di Suzu manakala di Wajima seramai 83 orang dilaporkan terkorban, Anamizu (20) Nanao (lima), Noto (empat), Shika (dua) dan di Hakui (satu).

Selain itu, kerajaan wilayah berkenaan mengesahkan lapan kematian berkaitan bencana turut dilaporkan iaitu mangsa terselamat daripada gempa bumi tetapi meninggal dunia akibat kecederaan atau penyakit disebabkan tekanan fizikal dan mental selepas bencana. - ©BERNAMA

# Turkiye kenakan denda US$160,000 ke atas Meta

**ANKARA,** 11 Jan. - Pihak Berkuasa Persaingan Turki memutuskan untuk mengenakan denda harian melebihi US$160,000 ke atas Meta kerana gagal mematuhi kewajipan pertukaran data, lapor Sputnik pada Rabu.

Pihak berkuasa telah mengeluarkan injunksi interim yang memerintahkan Meta berhenti menggunakan data pengguna WhatsApp dalam perkhidmatan Meta lain di Turkiye dan untuk memaklumkan kepada semua pengguna tentang perkara itu.

Selain itu, pihak berkuasa telah meminta syarikat itu untuk mencadangkan penyelesaian baharu bagi menangani kebimbangan mereka menjelang 11 Dis 2023 tetapi tiada sebarang penyelesaian diberikan sehingga kini.

Sehubungan itu, pihak berkuasa memutuskan untuk mengenakan denda 4,796,152 lira (lebih US$160,000) ke atas pendapatan kasar syarikat pada 2022 untuk setiap hari mulai 12 Dis 2023 sehingga penyelesaian pematuhan diserahkan, menurut laporan itu.

Sehingga kini, denda telah melebihi 140 juta lira (lebih US$4.6 juta) dan akan terus meningkat setiap hari.

Pada awal Disember 2023, pihak berkuasa melancarkan siasatan terhadap Meta selepas syarikat itu memutuskan untuk menggabungkan akaun pengguna di Instagram (dimiliki oleh Meta) dan Threads.

Hasil siasatan mendapati bahawa tindakan syarikat itu melanggar undang-undang perlindungan persaingan Turkiye. - ©BERNAMA

# Ecuador : 13 ditahan ceroboh stesen televisyen semasa siaran langsung

**BOGOTA** , 10 Jan. - Polis Ecuador pada Selasa menahan beberapa lelaki bersenjata yang menceroboh sebuah stesen televisyen awam di negara itu semasa sedang bersiaran langsung. Suspek memaksa kru televisyen berbaring dan duduk di atas lantai dengan bunyi tembakan dan jeritan kedengaran semasa siaran langsung itu.

Dalam satu hantaran di X, ketua polis Ecuador, Cesar Augusto Zapata berkata operasi polis di TC Television menyebabkan 13 orang ditahan dengan senjata, bahan letupan dan bahan bukti lain juga dirampas.

Zapata turut mengesahkan semua tebusan telah dibebaskan dan dibawa ke tempat selamat selain menyifatkan kejadian itu sebagai “tindakan pengganas”. Hantaran Zapata turut menunjukkan gambar beberapa lelaki dengan tangan mereka diikat di belakang.

Tidak lama selepas lelaki bersenjata bertopeng mengganggu siaran langsung itu, Presiden Daniel Noboa mengeluarkan dekri yang mengisytiharkan negara itu telah memasuki “konflik bersenjata dalaman”.

Perintah itu menetapkan 22 kumpulan pengedaran dadah yang beroperasi di negara itu sebagai kumpulan pengganas. “Saya telah memerintahkan Angkatan Bersenjata Ecuador menjalankan operasi ketenteraan untuk melumpuhkan kumpulan-kumpulan ini,” kata presiden.

Kejadian keganasan lain turut berlaku di seluruh negara pada Selasa. Pensyarah dan pelajar di Universiti Guayaquil berlindung di dalam bilik kuliah selepas sebuah organisasi jenayah menawan kemudahan itu.

Selain itu Kementerian Pendidikan mengumumkan penggantungan kelas di seluruh negara dengan memutuskan peralihan ke kaedah pembelajaran secara tidak bersemuka akibat krisis keselamatan berkenaan. Media tempatan juga melaporkan kehadiran beberapa individu bersenjata di sebuah hospital di Guayaquil.

Pengisytiharan konflik dalaman dibuat sehari selepas Noboa mengisytiharkan darurat selama 60 hari di seluruh Ecuador akibat krisis penjara dan keselamatan yang serius dialami negara itu.

Keputusan itu dibuat selepas seorang daripada ketua kumpulan paling berbahaya di negara itu dilaporkan hilang dari penjara pada Isnin, mencetuskan beberapa siri rusuhan di sekurang-kurangnya enam penjara di negara itu. - ©BERNAMA

# Perlis wajibkan guna tulisan jawi untuk pemasangan papan tanda mulai 1 Feb

**KANGAR,** 10 Jan. - Kerajaan Perlis akan mewajibkan penggunaan tulisan Jawi diguna pakai untuk semua pemasangan papan tanda baharu di negeri itu bermula 1 Feb depan, dalam usaha menyemarakkan kembali penggunaan tulisan itu dalam kalangan rakyat.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri Asrul Aimran Abd Jalil berkata pada masa ini, pihaknya telah berada pada proses akhir penyusunan garis panduan bagi pelaksanaan syarat itu, sebelum diwar-warkan kepada umum.

Asrul Aimran berkata syarat itu hanya akan diguna pakai kepada permohonan baharu untuk kelulusan pemasangan papan tanda di premis masing-masing.

“1 Feb nanti permohonan baharu kena masukkan tulisan Jawi pada papan tanda setiap premis, namun papan tanda yang sedia ada, kita tidak kacau, jika papan tanda yang dah ada ini rosak, dan perlu diperbaharui, itu perlu ikut syarat ini, wajib ada guna tulisan Jawi,” katanya kepada Bernama hari ini.

Asrul Aimran berkata langkah itu juga, sebagai antara usaha kerajaan negeri untuk memberikan pendidikan mengenai tulisan Jawi secara tidak langsung kepada penduduk di Perlis, terutamanya golongan muda. - ©BERNAMA

# Tsunami 3 meter dicatat pada loji nuklear Jepun selepas gempa bumi kuat pada hari tahun baharu - Pengendali

**TOKYO**, 10 Jan. - Tsunami setinggi kira-kira tiga meter dicatatkan di loji kuasa nuklear (NPP) Shika di wilayah Ishikawa, Jepun berikutan gempa bumi kuat yang melanda wilayah itu pada Hari Tahun Baharu, Isnin lepas, menurut pengendali loji itu, lapor Xinhua.

Hokuriku Electric Power Company pada Selasa berkata tsunami sampai di kemudahan itu pada 5.45 petang waktu tempatan, kira-kira 90 minit selepas beberapa siri gempa bumi dengan terbesar berukuran 7.6 magnitud melanda wilayah itu dan sekitarnya.

Hokuriku Electric berkata gelombang itu tidak menyebabkan masalah keselamatan kepada NPP itu kerana ia dibina kira-kira 11 meter dari paras laut dan mempunyai tembok laut setinggi empat meter.

Syarikat utiliti itu berkata, bagaimanapun, ketinggian tsunami itu tidak diketahui dengan segera kerana penghantaran data daripada peranti pengukur yang diletakkan di dasar laut berhenti daripada berfungsi selepas gempa bumi.

Syarikat tenaga itu mengeluarkan hasil analisis data dari pengukur aras air berdekatan dengan pengambilan air laut loji Shika, serta pengukur gelombang berdekatan dermaga loji.

Sementara itu, Hokuriku Electric menemui kerosakan pada beberapa elemen peralatan dalam sebuah pencawang dan talian penghantaran kuasa, tetapi kerosakan itu tidak memberi kesan kepada operasi loji itu.

Kedua-dua reaktor No. 1 dan 2 di loji Shika telah lama dimatikan sebelum gempa bumi berlaku. - ©BERNAMA

# 3 maut dalam ribut di Tenggara AS, Florida isytihar darurat

**WASHINGTON**, 10 Jan. - Sekurang-kurangnya tiga orang terbunuh dalam cuaca buruk yang melanda sebahagian besar kawasan Tenggara Amerika Syarikat, pada Selasa.

Perkembangan itu memaksa Gabenor Florida Ron DeSantis mengisytiharkan darurat selepas berlaku beberapa siri puting beliung yang menyebabkan kerosakan besar di negeri berkenaan.

Peramal cuaca memberi amaran bahawa lebih banyak puting beliung akan berlaku seperti yang diramalkan dari Florida hingga Virginia, lapor United Press International (UPI). DeSantis, yang mengisytiharkan darurat bagi 49 daripada 67 daerah di Florida turut mengerahkan ‘Florida State Guard’ atau pasukan pertahanan negeri itu pada Isnin.

Ribut yang melanda pada awal pagi Selasa merosakkan bangunan, menumbangkan pokok dan menyebabkan ribuan penduduk terputus bekalan elektrik di beberapa negeri. Seorang wanita berusia 81 tahun meninggal dunia di Alabama dan beberapa bangunan musnah selepas puting beliung dilaporkan melanda Cottonwood.

Menurut polis seorang lelaki juga terbunuh di utara Georgia selepas pokok besar tumbang dan menghempap keretanya di Clayton County. Selain itu mangsa ketiga dilaporkan terbunuh di Claremont, Carolina Utara selepas kawasan itu dilanda angin kencang yang merosakkan beberapa kediaman.

Perkhidmatan Cuaca Kebangsaan masih menilai sama ada ribut itu adalah puting beliung. Sementara itu, walaupun tiada kematian dilaporkan di Florida, beberapa orang penduduk dilaporkan cedera di bandar Marianna. - ©BERNAMA

# Tiada rancangan untuk elak perang dengan Korea Selatan

**SEOUL**, 10 Jan. - Pemimpin Korea Utara Kim Jong Un menggelar Korea Selatan sebagai “musuh utama” Pyongyang dan menegaskan beliau “tidak berhasrat untuk mengelak peperangan” dengan negara jirannya itu, lapor media kerajaan pada Rabu.

Kim juga mengancam untuk menghancurkan Korea Selatan jika Seoul cuba menggunakan kekerasan terhadap Pyongyang, lapor Agensi Berita Yonhap memetik Agensi Berita KCNA.

Menurut KCNA dengan menganggap Korea Selatan sebagai musuh utama negara itu, Kim menegaskan bahawa Korea Utara sepatutnya memberi keutamaan untuk meningkatkan keupayaan ketenteraan bagi pertahanan diri dan pencegahan nuklear sebagai keutamaan mereka. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI

BERITA GLOBAL

# JEPUN PANTAU SITUASI SUSULAN PUTIN UMUM LAWAT KEPULAUAN KURIL

**TOKYO,** 12 Jan. - Jepun akan memantau rapat situasi susulan kenyataan Presiden Rusia, Vladimir Putin akan melawat Kepulauan Kuril yang hak miliknya dipertikaikan kedua-dua negara, lapor Sputnik memetik kenyataan Ketua Setiausaha Kabinet Jepun, Yoshimasa Hayashi pada Jumaat.

Pada Khamis, Putin berjanji akan melawat Kepulauan Kuril dalam pertemuan dengan usahawan dari Timur Jauh Rusia.

“Semasa lawatannya ke Khabarovsk pada 11 Januari, Presiden Putin mengumumkan bahawa beliau akan melawat Kepulauan Kuril. Kami tidak dapat mengulas mengenai kenyataan yang dibuat oleh pegawai Kerajaan Rusia. Kerajaan akan terus memantau keadaan dan bertindak sewajarnya,” kata Hayashi dalam sesi taklimat.

Beliau turut mengulangi pendirian bahawa Jepun akan meneruskan dasar sekatan terhadap Rusia dan menyokong Ukraine.

Empat pulau Kuril - Iturup, Kunashir, Shikotan, dan Habomai merupakan wilayah yang dipertikai antara Rusia dan Jepun sejak Perang Dunia Kedua, dengan kedua-dua negara tidak dapat menandatangani perjanjian damai.

Rusia menolak tuntutan Tokyo ke atas pulau-pulau berkenaan dan telah mewujudkan program pembangunan utama untuk pulau-pulau itu bagi tempoh 2016-2025. - ©BERNAMA

## Bantuan Qatar untuk Gaza kini hampir mencecah 1,900 tan

**ARISH (Mesir)**, 12 Jan. - Qatar telah menghantar 61 pesawat bagi menyampaikan 1,897 tan bantuan kepada rakyat Palestin di Gaza setakat ini. Terbaharu, pesawat milik Angkatan Tentera Qatar yang membawa 18 tan bantuan tiba di bandar Arish, Mesir pada Khamis, menurut Agensi Berita Qatar (QNA).

Bantuan itu termasuk bekalan makanan dan perlindungan yang disediakan oleh Dana Qatar bagi Pembangunan dan Tabung Kebajikan Qatar dan akan dipindahkan ke Gaza. - ©BERNAMA

## Turkiye pindahkan 85 lagi pesakit di Gaza untuk dirawat

**ISTANBUL**, 12 Jan. - Seramai 85 lagi pesakit di Semenanjung Gaza dipindahkan dari Mesir ke Turkiye untuk menerima rawatan, kata Menteri Kesihatannya Fahrettin Koca. Dua pesawat yang membawa pesakit dan pengiring mereka mendarat di Ankara pada Khamis malam, lapor Agensi Anadolu (AA).

“Seramai 85 pesakit dari Gaza di Mesir kini dalam perjalanan ke Turkiye. Mereka diiringi sekumpulan 106 pengiring dan pesakit akan menerima rawatan perubatan di negara kita,” menurut catatan Koca di platform media sosial X.

Negara itu telah menerima 292 pesakit dari Gaza sejak serangan dahsyat Israel ke atas wilayah Palestin bermula tahun lepas. - ©BERNAMA

## Pho Vietnam tercalon antara 20 sup terbaik dunia

**HANOI**, 12 Jan. - CNN Travel baru-baru ini mencalonkan pho (mi sup daging lembu) Vietnam antara 20 sup terbaik di dunia. Artikel dengan senarai 20 sup terbaik yang diterbitkan pada 8 Jan memetik pengarang “The Pho Cookbook” Andrea Nguyen sebagai berkata bahawa Pho merupakan antara masakan terkenal di negara itu, lapor Agensi Berita Vietnam (VNA).

Meskipun restoran pho hari ini menyajikan sup dengan pelbagai perisa, daging lembu adalah yang asli. Kuahnya direbus selama berjam-jam dengan campuran kayu manis, bunga lawang dan rempah-ratus lain bagi menghasilkan aroma luar biasa, menurut artikel itu.

Hidangan lain yang turut tersenarai termasuk Banga dari Nigeria, Borscht dari Ukraine, Bouillabaisse dari Perancis, Caldo verde dari Portugal dan Chorba frik dari Algeria, Libya dan Tunisia. - ©BERNAMA

## Maghribi dipilih sebagai Presiden UNHRC bagi tahun 2024

**RABAT,** 11 Jan. - Maghribi pada Rabu dipilih sebagai Presiden Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHRC) bagi tahun 2024.

Daripada 47 ahli UNHRC, sebanyak 30 telah mengundi menyokong pencalonan Maghribi berbanding Afrika Selatan yang sekadar menerima 17 undi, menurut kenyataan Kementerian Luar, Kerjasama Afrika dan Ekspatriat Maghribi.

Menurut Agensi Berita Maghribi (MAP), kejayaan itu merupakan isyarat jelas daripada masyarakat antarabangsa untuk pendekatan konstruktif kerajaan dan kepimpinan, termasuk dalam isu berkaitan agama, toleransi dan perjuangan menentang perkauman, hak untuk persekitaran yang sihat dan mampan, hak pendatang dan kesan teknologi baharu.

Di bawah kepimpinan Raja Mohammed VI, Maghribi telah memantapkan kedaulatan undang-undang dan melindungi hak asasi manusia dalam Perlembagaan 2011 yang sekali gus menghasilkan momentum pembaharuan berterusan, termasuk mengukuhkan demokrasi, kesaksamaan jantina, penyertaan secara inklusif dan pemerkasaan belia.

Maghribi berhasrat untuk terus aktif bersama-sama ahli majlis dan semua kumpulan serantau bagi mengukuhkan dan mempromosikan kerja-kerja UNHRC. - ©BERNAMA

## Serangan AS terhadap Houthi cecah 60 sasaran, 16 lokasi - Tentera Udara AS

**WASHINGTON,** 12 Jan. - Serangan Amerika Syarikat terhadap Houthi di Yaman kini melebihi 60 sasaran membabitkan 16 lokasi, menurut Pusat Tentera Udara AS dalam satu kenyataan media.

“Atas arahan Markas Pusat AS (CENTCOM), Markas Komponen Udara Bersama dan Sekutu melancarkan serangan ke atas lebih 60 sasaran di 16 lokasi Houthi yang disokong Iran, termasuk pusat arahan dan kawalan, gudang peluru, sistem pelancaran, kemudahan pengeluaran dan sistem radar pertahanan udara,” menurut kenyataan itu lewat malam Khamis.

Lebih 100 munisi berpandu tepat atau precision-guided munitions pelbagai jenis digunakan dalam serangan itu.

Amerika Syarikat dan United Kingdom melancarkan serangan udara sejak Khamis terhadap kedudukan Houthi di empat wilayah di Yaman termasuk ibu negara Sana’a dan bandar Al Hudaydah, Saada dan Taiz, kata pegawai kerajaan wilayah kepada Sputnik.

Pegawai AS dan UK mengesahkan serangan udara berkenaan sambil mendakwa ia menyasarkan kemudahan dan kedudukan Houthi sebagai tindak balas terhadap serangan ke atas kapal komersial di Laut Merah dan bukannya penduduk awam.

Houthi mendakwa pihaknya sedang melancarkan serangan ke atas pangkalan dan kedudukan tentera UK dan AS serta mengancam bahawa Washington dan London akan menerima akibat susulan kerana serangan besar-besaran ini. - ©BERNAMA

## Alaska Airlines batal semua penerbangan pesawat 737-9 MAX sehingga Sabtu

**WASHINGTON**, 11 Jan - Alaska Airlines pada Rabu mengumumkan pembatalan semua penerbangan yang melibatkan pesawat Boeing 737 MAX-9 sehingga Sabtu, lapor Agensi Berita Anadolu (AA).

Pengumuman itu dibuat sementara menunggu dokumentasi daripada Boeing dan Pentadbiran Penerbangan Persekutuan (FAA) Amerika Syarikat (AS) untuk memudahkan pemeriksaan ke atas pesawat 737-9 MAX, susulan insiden panel tingkap kabin pesawat tercabut pada Jumaat lalu.

Dalam satu kenyataan, syarikat penerbangan itu berkata setakat Rabu pagi pihaknya telah memutuskan untuk membatalkan semua penerbangan pesawat 737 MAX-9 sehingga Sabtu (13 Jan).

“Kami berharap tindakan itu dapat memberikan pengguna lebih kepastian dan kami sedang berusaha untuk menempatkan pengguna yang terjejas ke penerbangan lain.

“Pihak kami kesal dengan gangguan itu yang telah menyebabkan pengguna menghadapi kesulitan...,” menurut kenyataan itu.

Insiden itu telah menyebabkan pesawat berkenaan terpaksa membuat pendaratan cemas di Oregon Amerika Syarikat (AS).

Pada Sabtu, pihak berkuasa juga telah mengeluarkan larangan sementara untuk kira-kira 171 pesawat Boeing 737 MAX-9 bagi membolehkan pemeriksaan keselamatan dijalankan. - ©BERNAMA

## AS, UK lancar serangan terhadap Houthi

**WASHINGTON**, 12 Jan. - Amerika Syarikat dan United Kingdom melancarkan serangan ke atas pelbagai sasaran Houthi di Yaman lewat Khamis “sebagai tindak balas terhadap serangan Houthi yang mensasarkan kapal maritim antarabangsa,” kata Presiden AS Joe Biden.

“Serangan ini merupakan tindak balas langsung kepada serangan Houthi di Laut Merah – termasuk penggunaan peluru berpandu balistik anti-kapal (anti-ship ballistic missile) buat kali pertama dalam sejarah,” lapor Agensi Anadolu memetik kenyataan Biden.

Sementara itu, saluran TV Al-Masirah milik Houthi melaporkan bahawa ibu kota Yaman, Sanaa kini berdepan “pencerobohan Amerika”. Tindakan itu dibuat sebagai tindak balas kepada serangan berterusan kumpulan Yaman yang disokong Iran terhadap laluan perkapalan antarabangsa di Laut Merah yang bermula pada November.

Houthi mendakwa pihaknya melancarkan serangan berkenaan sebagai tindak balas kepada perang Israel ke atas Gaza. Laut Merah merupakan laluan penting bagi perdagangan antarabangsa, penghantaran minyak dan bahan api tertentu, dengan ia menghubungkan Terusan Suez di Mesir dengan Teluk Aden.

Tentera AS pada Khamis mendakwa Houthi telah melancarkan 27 serangan di Laut Merah sejak 19 Nov lepas. Pada bulan lepas, Setiausaha Pertahanan AS Lloyd Austin mengumumkan penubuhan misi multinasional bagi menentang serangan Houthi. AS dan UK melancarkan serangan dengan “sokongan” yang tidak diketahui dari Australia, Bahrain, Kanada dan Belanda, kata Biden.

“Serangan yang disasarkan ini adalah mesej jelas bahawa Amerika Syarikat dan rakan kongsi tidak akan bertolak ansur dengan serangan ke atas kakitangan kami atau membenarkan kumpulan penyerang menjejaskan kebebasan pelayaran di laluan komersial paling kritikal di dunia,” katanya.

Biden berkata “langkah pertahanan” dilaksanakan terhadap Houthi setelah beberapa bulan rundingan dan peningkatan serangan kumpulan itu terhadap kapal-kapal komersial.

“Saya tidak akan teragak-agak untuk mengarahkan tindakan selanjutnya demi melindungi rakyat dan aliran bebas perdagangan antarabangsa jika perlu,” katanya. - ©BERNAMA

FOKUS SUKAN



# Sukan Judo punya peluang cerah

Oleh : Abu Bakar Haji Abd. Rahman
Foto : Jabatan Penerangan dan ihsan BDNJF

MENGAMALKAN gaya hidup sihat dalam kehidupan seharian banyak memberikan manfaat seperti membantu mencegah pelbagai jenis penyakit.

Dengan mengekalkan cara hidup yang sihat ia boleh meningkatkan tahap tenaga dan produktiviti yang lebih baik.

Dengan mengamalkan pemakanan yang seimbang dan melakukan senaman atau bersukan yang kerap juga boleh meningkatkan stamina dan mengurangkan keletihan, ini secara langsung membolehkan kita untuk melakukan tugas seharian dengan lebih cekap.

Antara sukan yang boleh diamalkan ialah sukan Judo yang merupakan salah satu aliran sukan seni bela diri yang berasal dari Jepun. Sukan ini diperkenalkan sejak tahun 1882 dan menjadi salah satu sukan yang terkandung dalam sukan olimpik.

Sukan Judo baru bertapak di negara ini sejak penubuhan Persekutuan Judo Brunei Darussalam (BDNJF) pada April 2018 dengan sokongan, kerjasama dan bantuan dari Kedutaan Jepun dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Kementerian Pendidikan.

Dari saat itu sukan tersebut berjaya menarik minat para belia untuk mempelajari sukan berkenaan walaupun sukan tersebut telah lama dikenali.

Untuk mengembangkan sukan ini berbagai program telah dibuat seperti Program Pertukaran Judo dan demonstrasi sukan yang mempamerkan bentuk-bentuk asas dan teknik judo disamping seminar.

Antara yang aktif dalam mengamalkan sukan ini ialah Akademi Judo Sekolah Sukan Brunei, selain giat melakukan latihan-latihan teratur mereka juga aktif mengikuti pertandingan di luar negeri.

Akademi ini aktif melakukan latihan setiap Isnin, Rabu dan Jumaat di sebelah malam dengan mengalu-alukan penyertaan orang ramai.

Pada bulan Disember 2023, Persekutuan Judo Kebangsaan Brunei Darussalam (BDNJF) telah menyertai Kejohanan Judo Jemputan Pulau Pinang 2023 yang telah berlangsung di Pulau Pinang, Malaysia pada 9 hingga 10 Disember 2023.

Hasil penyertaan tersebut mereka telah berjaya membawa pulang satu pingat emas, satu pingat perak dan tiga pingat gangsa.

Awang Mohd. Farid bin Bujang telah berjaya meraih satu pingat emas bagi kategori Lelaki Veteran bawah 73 kilogram, manakala Awang Norhidayat bin Abdul pula berjaya membawa pulang pingat perak bagi Kategori Lelaki Veteran (B) bawah 66kg.

Manakala pingat gangsa dimenangi oleh Awang Md. Nur Hafizzan bin Kadir bagi Kategori Lelaki Veteran (B) bawah 73kg, Dayang Hajah Nuruljannah binti Haji Md. Zamari bagi Kategori Wanita Veteran (B) bawah 57kg dan Awang Md. Wajdi Wa'ie@Wafi bin Khairul Shaffarani bagi Kategori Lelaki Veteran (B) bawah 66kg.

Pengurus Pasukan yang juga selaku Jurulatih BDNJF, Awang Md. Ali Rashid bin Haji Md. Alipah berkata kejohanan yang mereka sertai telah banyak meningkatkan keyakinan atlet-atlet yang bertanding terhadap latihan dan pembangunan mereka dalam sukan Judo serta memberi mereka pengelaman yang sangat bernilai.

Dengan penyertaan dan pendedahan seumpama ini di samping mendapat bimbingan dan latihan yang mencukupi serta pengelaman yang luas tidak mustahil atlet negara dalam sukan Judo bakal mengilap kejayaan pada masa akan datang dengan mendapat kerjasama dan sokongan daripada pelbagai pihak.

Bagi yang baru mengenal sukan ini, pengertian Judo terdiri dari dua kata, iaitu Ju yang bererti lemah, lembut dan Do bererti jalan atau cara.

Pada umumnya orang yang menekuni sukan Judo disebut sebagai Judoka dan terdapat dua sebutan untuk orang yang melakukan latihan Judo, iaitu *tori* sebagai orang yang melakukan teknik bantingan dan *uke* sebagai orang yang dibanting.

Dalam olahraga Judo terdapat lima pembahagian teknik yang di antaranya adalah tachi *waza* (teknik bantingan lengan), *koshi waza* (teknik bantingan pinggul), *ashi waza* (teknik bantingan kaki), *masutemi waza* (teknik membanting sambil menjatuhkan diri) dan *yoko sutemi waza* (teknik menjatuhkan diri ke samping).

Dari pembahagian teknik tersebut memiliki masing-masing teknik yang sering digunakan oleh Judoka, salah satu teknik yang sering digunakan oleh Judoka iaitu jenis teknik *tachi waza* (bantingan lengan) iaitu teknik bantingan *ippon seoi nage.*

Selain sebagai sukan pertarungan, Judo juga memiliki banyak manfaat bagi kesihatan tubuh badan serta mental.

Judo melibatkan gerakan-gerakan tubuh yang memerlukan penggunaan hampir semua kelompok otot tubuh di mana dengan latihan yang teratur dalam sukan ini dapat membantu memperkuat otot-otot seperti otot kaki, tangan dan pinggang.

Selain manfaat kepada (fizik) tubuh badan, Judo juga dapat membantu mengembangkan kekuatan mental seperti disiplin, ketekunan dan rasa percaya diri selain dapat membantu mengurangi stres dan kecemasan. Olahraga fizik dapat meningkatkan pelepasan endorfin, yang dapat membantu meningkatkan suasana hati dan mengurangi tingkat stres.

Namun, seperti halnya dengan olahraga lainnya, penting untuk berlatih dengan benar dan di bawah bimbingan jurulatih yang



Pelita Brunei




ePaper Pelita Brunei

# 33 BOT SERTAI REGATTA ANTARABANGSA DIRAJA LANGKAWI 2024

**ALOR SETAR**, 12 Jan. - Sejumlah 33 bot dengan lebih daripada 250 peserta akan mengambil bahagian dalam Regatta Antarabangsa Diraja Langkawi (RLIR) 2024 yang bermula dari Isnin ini hingga 20 Jan.

Dalam satu kenyataan hari ini, RLIR berkata kejohanan tahun ini juga akan melakar sejarah dalam penganjuran acara ini yang memasuki edisi ke-20.

"Acara di Kelab Kapal Layar Diraja Langkawi akan menyaksikan sebanyak 33 bot dari Malaysia, Thailand, Denmark, United Kingdom, Australia, Singapura, Amerika Syarikat, Jepun, Hong Kong, New Zealand, China dan Vietnam.

Terdapat tujuh kelas pertandingan dalam RLIR - Perlumbaan, IRC1, IRC2, Multihull, bot lumba, Kelas Kelab, dan 'Ocean Rover/ White Sail' dan pemenang setiap kelas akan dihadiahkan piala berprestij," kata RLIR.

Selain itu, pasukan terbaik dengan semangat kesukanan sama ada di darat dan di air akan menerima 'Tunku Abdullah Sportsmanship Award'.

Sementara itu, acara tahunan yang terkenal ini juga menyasarkan untuk meletakkan Malaysia dan Langkawi sebagai destinasi utama pelayaran selain menggalakkan pelayaran dan melonjakkan pelancongan sukan di negara ini. - ©BERNAMA

## Cedera otot belakang, Tze Yong tarik diri Terbuka India

**KUALA LUMPUR,** 12 Jan. - Pemain badminton perseorangan lelaki negara Ng Tze Yong, didapati mengalami kecederaan koyak otot di bahagian belakang, selepas menjalani pemeriksaan di Institut Sukan Negara (ISN) hari ini.

Perkembangan itu dimaklumkan oleh Setiausaha Agung Persatuan Badminton Malaysia (BAM) Datuk Kenny Goh, yang turut mengesahkan bahawa pemain berusia 23 tahun itu, tidak akan beraksi pada Terbuka India bermula 16-21 Jan.

"Sebentar tadi saya dapat makluman daripada (jurulatih perseorangan lelaki Datuk) Tey Seu Bock bahawa Tze Yong selesai pemeriksaan di ISN, dan mendapati bahawa kecederaan otot belah belakang.

"Buat masa ini, hanya tarik diri daripada Terbuka India, tetapi untuk minggu berikutnya bagi Indonesia Masters, barisan kejurulatihan akan terus memantau keadaan beliau (sebelum membuat keputusan)," katanya ketika ditemui pemberita di Axiata Arena semasa kejohanan Terbuka Malaysia 2024.

Tze Yong pemain di ranking dunia ke-15, terpaksa menarik diri daripada pusingan pertama Terbuka Malaysia ketika ketinggalan 8-12 dalam set pertama, menentang Koki Watanabe dari Jepun pada Rabu, kerana disyaki mengalami kecederaan belakang ketika mahu membuat smesy.

Ia menyaksikan tiada seorang pun wakil perseorangan negara mara ke pusingan kedua selepas pemain profesional Lee Zii Jia, turut tumpas 21-16, 19-21, 15-21 kepada Lu Guang Zu dari China pada pusingan pertama, Selasa lepas.

Tze Yong diharapkan untuk segera sembuh dan kembali menampilkan prestasi baik pada Jelajah Dunia Persekutuan Badminton Dunia (BWF), bagi mengesahkan tiket ke Olimpik Paris 2024 yang akan berlangsung dari 26 Julai hingga 11 Ogos ini.

Dengan Zii Jia menduduki tempat ke-11 dalam ranking kelayakan Olimpik, Tze Yong yang berada di kedudukan ke-13 perlu memastikan beliau tidak terkeluar daripada kelompok 16 teratas dalam ranking berkenaan.

Sebuah negara hanya boleh mempunyai maksimum dua wakil dalam acara perseorangan, jika kedua-duanya berada di kedudukan 16 teratas semasa tempoh kelayakan Olimpik setahun berakhir pada 28 April ini. - ©BERNAMA

## Ginting mahu lebih "keren" menjelang Paris 2024

**KUALA LUMPUR,** 10 Jan. - Pemain perseorangan lelaki utama Indonesia, Anthony Sinisuka Ginting tekad memantapkan permainannya menjelang Sukan Olimpik 2024 di Paris.

Ginting berkata temasya sukan terbesar dunia itu merupakan fokus utamanya tahun ini sehinggakan beliau enggan memikirkan jumlah gelaran yang boleh dimenanginya musim ini.

"Dengan beberapa bulan lagi sebelum Sukan Olimpik, saya mahu terus perbaiki diri. Saya tidak mahu memikirkan dan membebankan diri (dengan jumlah gelaran). Seharusnya memang ada impian juara (kejohanan disertai), namun saya harap menjelang Sukan Olimpik ini saya lebih mantap, terus buat penilaian diri, menajamkan kelebihan dan perbaiki kekurangan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menumpaskan Su Li Yang dari Taiwan, 21-18, 21-12 pada pusingan pertama Terbuka Malaysia 2024 di Axiata Arena semalam.

Pemain pilihan keempat itu akan membuat perhitungan dengan wakil China, Lu Guang Zu pada Khamis ini.

Guang Zu bangkit daripada ketinggalan untuk mara ke pusingan kedua dengan mengecewakan pemain profesional negara, Lee Zii Jia, 16-21, 21-19, 21-15. Dalam pada itu, pemain nombor empat dunia itu juga berharap dapat tersenarai antara pemain pilihan dalam Sukan Olimpik nanti.

Berdasarkan ranking kelayakan Race to Paris, Ginting kini menghuni tangga keenam dengan 71,891 mata. Tempoh kelayakan Sukan Olimpik 2024 yang bermula Mei lepas akan berakhir April ini.

Mengikut format kelayakan, setiap negara boleh diwakili maksimum dua pemain perseorangan sekiranya kedua-dua mereka menduduki ranking 16 terbaik serta dua beregu sekiranya kedua-dua mereka menduduki ranking lapan terbaik. Sukan Olimpik 2024 dijadual berlangsung dari 26 Julai hingga 11 Ogos ini. - ©BERNAMA

## Piala Asia : Pameran 'Stars of Asia' dibuka di Doha

**DOHA**, 11 Jan. - 'Stars of Asia' pameran yang mengetengahkan penampilan Qatar dalam Piala Asia AFC 2019 kini dibuka, menjelang sepak mula Piala Asia Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) Qatar 2023 pada Jumaat.

Pameran anjuran Cultural Village Foundation (Katara) dengan kerjasama Pusat Fotografi Qatar (QPC) diadakan di Building 18, Katara, lapor Agensi Berita Qatar (QNA).

Sebanyak 44 gambar yang dirakamkan oleh jurugambar Oman Haitham Saleem Al Shukairi dipamerkan pada pameran itu. - ©BERNAMA

## Tahukah Awda

**SINGGAHSANA** adalah tempat Sultan bersemayam di Istana dan digunakan juga menjadi tempat persemayaman Raja Isteri semasa dipuja dalam Istiadat Berpuspa atau digunakan untuk istiadat lain yang serupa maksud penggunaannya. Singgahsana ini di atasnya berbentuk Mahligai yang berpeleher dan dihiasi dengan Nanglong, Patra, Buah Butun, Ganta dan Alamat, sama seperti Patarana. Di peleher Singgahsana ini ditulis ayat-ayat suci Al-Quran yang bersesuaian dengan fungsi Singgahsana ini.

**SUMBER :** *Adat Istiadat Diraja Brunei.*